

Jilid I
Bil. 85



Hari Rabu
11hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14093]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 14145]

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.1 hingga B.12 [Ruangan 14145]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 14145]

Jawatankuasa—

Maksud P.7 hingga P.8 [Ruangan 14145]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).
- „ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 11hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERMIT PEMAJU
PERUMAHAN**

1. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) kemajuan siasatan yang dilakukan oleh pihak Kementerian ke atas pemaju-pemaju perumahan yang mengiklankan penjualan rumah-rumah sebelum mereka mendapat permit yang berkaitan untuk berbuat demikian;
- (b) berapa banyak pemaju yang sedang disiasat dan berapa banyak yang didapati bersalah dan dibatalkan permit pemaju mereka;
- (c) adakah Kementerian menimbang untuk denda yang lebih kuat terhadap pemaju-pemaju yang didapati melakukan kesalahan oleh kerana hukuman sekarang terlalu lembut kepada pesalah-pesalah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa menyemak semua iklan-iklan projek perumahan yang disiarkan melalui akhbar-akhbar tempatan atau secara brochure untuk memastikan sama ada iklan itu diluluskan oleh pengawal perumahan. Jika sesuatu syarikat pemaju perumahan yang berlesen tidak mempunyai kelulusan iklan maka perbuatan syarikat itu merupakan sebagai satu tindakan yang melanggar Peraturan 5 (1) Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1982. Dan oleh itu telah melakukan kesalahan dan boleh dihukum di bawah Peraturan 14 Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1982.

Dalam kes-kes seperti ini Kementerian akan menjalankan siasatan dan seterusnya mengambil tindakan untuk mendakwa pemaju-pemaju ini di mahkamah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyiasat sejumlah 46 syarikat pemaju perumahan yang melanggar Akta Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 dan atau Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1982.

Di antaranya 38 syarikat pemaju perumahan yang berlesen telah melanggar peraturan yang berkaitan

dengan permit iklan dan jualan. Sebanyak 3 buah syarikat telah dihukum oleh mahkamah atas kesalahan tiada permit iklan dan jualan.

Sementara 9 kes telah disebut di mahkamah, 24 kes dalam proses tindakan penasihat undang-undang dan 2 kes ditarik balik kerana tidak cukup bukti.

Berkenaan dengan denda, ingin saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa kuasa untuk mendenda sebarang pemaju perumahan yang melanggar Akta dan atau Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan adalah di tangan pihak mahkamah.

Kementerian hanya boleh membawa kes-kes yang melanggar undang-undang ke mahkamah untuk keputusannya. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpendapat bahawa hukuman-hukuman maksima bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta dan Peraturan-peraturan adalah mencukupi pada masa ini dan tidak perlu dikaji semula. Dalam kes-kes di mana hukuman yang dikenakan adalah rendah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pemaju-pemaju ada di antaranya tergendala melaksanakan projek-projek perumahan mereka disebabkan salah satu daripada pembayaran-pembayaran yang sepatutnya dibayar oleh pihak-pihak yang berkenaan maka tidak ditunaikan secara tepat masa. Maka apakah perkara-perkara yang dapat diatasi perkara-perkara ini supaya pembayaran-pembayaran itu dapat dilaksanakan dengan tepatnya supaya

pemborong-pemborong dapat menjalankan projek-projeknya dengan licin. Itu yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, ada di antara pemborong-pemborong diberi projek kepada mereka terlampau besar sangat hinggakan mereka tidak berupaya melaksanakan dengan kemampuan kewangan modal yang ada pada mereka. Maka adakah Kerajaan akan menyusun semula tentang memberi projek kepada pemborong-pemborong ini kadar yang berpatutan mereka boleh melaksanakan dengan cepat iaitu tidak terlampau besar sangat. Artinya, kalau projek sampai beratus juta ringgit maka dibahagi-bahagikan kepada pemborong supaya ramai pemborong dapat buat kerja dan dapat dilaksanakan dengan cemerlangnya.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tentang projek-projek yang terbengkalai masalahnya bukanlah pembayaran. Mungkin pemaju swasta oleh kerana mereka menghadapi masalah kewangan. Mungkin berlaku bayaran lewat atau tidak dapat bayar pemborong-pemborong. Tetapi ini adalah satu masalah yang dihadapi oleh pihak swasta dan untuk memulihkan projek-projek yang dapat dipulihkan atau dianggap viable oleh Kementerian, Kementerian sedang membincangkan dengan pemaju-pemaju, pembeli-pembeli dan juga institusi-institusi kewangan dari masa ke semasa dan kita telah berjaya memulihkan beberapa projek terbengkalai.

Tentang pemborong-pemborong yang diberi projek perumahan walaupun mereka tidak berupaya untuk melaksanakan projek, sukalah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kebanyakan projek dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah oleh sektor swasta.

Projek-projek yang dianggap awam-projek perumahan awam ataupun yang dilaksanakan oleh Kerajaan, Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian saya sendiri adalah begitu kecil bilangannya dan oleh kerana itu tidak timbul masalah pemborong tidak berupaya. Jadi, bagi pihak swasta yang menjalankan projek-projek perumahan ini adalah di luar bidang kuasa kita untuk campurtangan untuk membahagi-bahagikan kerja-kerja yang dijalankan oleh sektor swasta.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kementerian yang berkenaan pernah mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang sah untuk menyiarkan iklan penjualan rumah sebelum mendapat lesen. Tetapi di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau juga sedar tentang pemaju perumahan yang haram, maksud saya ialah yang tidak mempunyai lesen yang menyiarkan iklan dalam suratkhobar untuk menarik orang ramai membeli rumah kos rendah yang tidak wujud dan akibatnya ramai orang ini telah menjadi mangsa penipuan. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang perkara ini maka saya ingin mendapat tahu sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk membuat sesuatu atau mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah kegiatan seperti ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Akta yang sedia ada dan peraturan-peraturan yang sedia ada bagi perumahan adalah untuk mengawal mereka yang berlesen. Tetapi seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat ada juga mereka yang tidak berlesen tetapi dari semasa ke semasa buat iklan dalam

suratkhabar dan sebagainya, perkara-perkara yang serupa itu telah pun dibawa ke perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Akta ini tidak membolehkan kita mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka oleh kerana perkara itu adalah merupakan satu perkara penipuan, dalam dunia orang boleh tipu macam-macam termasuk juga mereka yang tidak membina rumah tipu kepada mereka yang mahu beli bahawa mereka akan membina. Walau bagaimanapun, kita sentiasa menasihatkan orang-orang yang mengadu ataupun perkara-perkara yang diiklankan dalam suratkhobar dirujuk kepada polis, supaya polislah yang lebih wajar untuk disiasat kes-kes itu dan mengambil tindakan terhadap mereka yang menjalankan kerja-kerja penipuan.

MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN

2. Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menerangkan:

- (a) sehingga masa ini sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh Maahad Tahfiz Al-Quran di Ibu Negara;
- (b) berapa ramaikah hafiz-hafiz telah dikeluarkan; dan
- (c) adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan Maahad Tahfiz Al-Quran kepada sebuah institusi pengajian yang setaraf dengan Universiti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Maahad Tahfiz al-Quran bermula dalam tahun 1966 sebagai satu kelas menghafaz al-Quran bertempat di Masjid Negara dengan 8 orang pelajar sahaja. Kemajuan dari segi kurikulum ialah bahawa kelas

menghafaz al-Quran itu kini telah menjadi sebuah institut pengajian al-Quran dengan mata pelajaran selain daripada menghafaz al-Quran termasuk juga ulum al-Quran, Syariah, Usuluddin, bahasa dan sastera Arab, Sejarah Islam, Hadith dan Ilmu Hadith. Institut ini menyediakan pengajian peringkat diploma selama 3 tahun. Sijil diploma Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat ini telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan oleh Universiti Al-Azhar dan Universiti Madinah. Kemajuan dari segi fizikal ialah kelas yang mulanya bertempat di Masjid Negara ini kini mempunyai bangunannya tersendiri bertempat dalam kompleks Pusat Islam dan mempunyai asrama bagi pelajar-pelajarnya sendiri. Guru-guru dan kakitangan telah bertambah dan kini terdapat seramai 10 orang guru dan 4 orang kakitangan pembantu. Jumlah pelajar pada tiap-tiap tahun juga telah bertambah berjumlah seramai 50 orang.

Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat JPM itu bukan sahaja terkenal di dalam negeri tetapi juga di luar negeri. Maahad ini mempunyai pelajar-pelajar dari negeri-negeri Thailand, Maldiv, Mali dan daripada PLO.

Sejak ditubuhkan sehingga ke hari ini Maahad ini telah mengeluarkan seramai 132 orang lulusan diploma. Ini tidak termasuk pelajar luar negeri. Seramai 32 orang telah melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

(b) Dari seramai 132 orang lulusan Maahad Tahfiz al-Quran itu

seramai 55 orang adalah hafiz iaitu menghafaz 30 juzuk al-Quran.

(c) Buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk menjadikan Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat sebagai sebuah universiti.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa seramai 132 orang yang telah lulus daripada Maahad Tahfiz al-Quran di Ibu Negara dan Kerajaan juga tidak bercadang untuk menaikkan taraf Maahad ini kepada sebuah universiti. Saya ingin bertanya, memandangkan bahawa betapa perlunya negara kepada para hafiz untuk kepentingan umat Islam di negara ini, adakah Kerajaan mengadakan apa-apa rancangan untuk memberikan biasiswa kepada semua pelajar-pelajar yang telah lulus di Maahad Tahfiz ini untuk mendapat ijazah setelah mereka mendapat diploma.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kalau yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat belum membuat satu rancangan yang khusus untuk memberi biasiswa kepada mereka yang telah tamat pengajian dan mendapat diploma daripada Maahad Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat ini. Tetapi walau bagaimanapun, kesemua calon-calon yang telah melanjutkan pelajaran keluar negeri mendapat biasiswa daripada Kerajaan Negeri masing-masing dan rancangan Kerajaan Negeri itu saya fikir sudah dapat menampung apa yang diperlukan oleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Apakah syarat-syarat kelayakan bagi seseorang itu diterima masuk belajar di Maahad Tahfiz al-Quran.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa syarat yang saya fikir tidak dapat saya jelaskan kesemuanya, di antaranya ialah kelulusan di peringkat SPM dan mereka yang mempunyai kemampuan dalam bahasa Arab dan mutu bahasa Arab mereka itu akan diuji dan dinilai oleh satu lajinah atau satu badan dan badan ini akan membuat perakuan sama ada kemampuannya dalam bahasa Arab itu sesuai ataupun tidak. Pendek kata syarat adalah tertakluk kepada jawatankuasa yang menimbangkan permohonan-permohonan yang datang ke Maahad ini.

Dato' Zainal Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, untuk menghafaz al-Quran ini bukanlah satu perkara yang senang walaupun saya telah cuba berkali-kali (*Ketawa*). Soalnya, adakah Kerajaan menyediakan imbohan bayaran kepada mereka yang menghafaz akan al-Quran ini. Kalau ada, berapa banyak yang telah diperuntukkan untuk maksud ini, walaupun banyak yang tidak tahu baca jawi sekarang.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, imbohan sekiranya dimaksudkan daripada Kerajaan Pusat maka tidak ada diberi tetapi imbohan-imbohan ini diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan kadarnya adalah berbeza-beza mengikut kemampuan Kerajaan Negeri yang berkenaan dan saya percaya kalau sekiranya Yang Berhormat ingin memastikan bahawa dapat menghafaz dengan baik maka boleh buat permohonan untuk mendapatkan insentif.

BEKALAN METER ELEKTRIK

3. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah kemajuan yang

telah dicapai setakat ini bagi mengatasi masalah kekurangan meter untuk bekalan elektrik ke rumah-rumah. Bilakah masalah kekurangan meter ini akan dapat diatasi. Bagi langkah jangka panjang Kementerian, apakah rancangan untuk mengelakkan keadaan ini daripada berlaku.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah diakui bahawa pada penghujung tahun 1986 dan 1987 terdapat kekurangan bekalan meter. Usaha telah dibuat untuk mengatasi masalah ini pada tahun 1986 melalui 5 pesanan yang berjumlah 157,433 unit meter.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan ini berlaku kerana:

- (i) Pada akhir 1985 dan awal 1986 Lembaga Letrik Negara telah berusaha merasionalkan simpanan stoknya ke paras yang optima dari segi keperluan dan kos untuk menampung stok. Oleh kerana meter adalah benda yang ditafsirkan "fast moving item", dengan izin, maka bekalannya dengan tidak disedari telah terjejas di dalam usaha rasionalisasi ini.
- (ii) Kelambatan bekalan juga berlaku oleh kerana pihak Jabatan Jangka perlu menguji 100% daripada bekalan yang dibuat untuk kepentingan pengguna dan juga Lembaga Letrik Negara sendiri.

Pada bulan Oktober ini masih ada lagi terdapat 14,000 buah rumah yang dibekalkan elektrik tanpa meter. Untuk mengatasi masalah ini dan juga penyelesaian jangka masa panjang, Lembaga Letrik Negara telah pun membuat pesanan bekalan sebanyak 205,000 unit meter. Pesanan ini akan

dapat menampung kekurangan yang ada dan juga keperluan sepanjang tahun 1988 dan juga simpanan stok yang dianggap wajar.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan masalah kekurangan meter tersebut, saya ingin dapat tahu di manakah meter-meter berkenaan sedang dibuat—boleh jadi di luar negeri. Jika di luar negeri, saya ingin dapat tahu sebab apa kita tidak boleh membuat meter-meter tersebut di dalam negeri. Dengan satu “consumption”, dengan izin, yang begitu tinggi, saya rasa satu industri viable boleh dilakukan di negara ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada pihak swasta untuk pelaburan dan juga perkiraan mereka sama ada wajar ataupun tidak untuk membuat pelaburan, untuk membuat meter-meter itu dalam negeri kita.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada lebih kurang 14,000 buah rumah yang tidak menggunakan meter, tetapi dibekalkan api. Saya ingin tahu di sini adakah Kementerian ini menimbangkan kepada penggunaan-pengguna, khususnya di luar bandar supaya tidak payah menggunakan meter langsung, seperti yang sedang dilakukan sekarang ini di mana penduduk luar bandar, khasnya di kawasan pendalaman sangat suka menggunakan api elektrik tanpa meter, dengan bayaran yang tertentu, contohnya dalam \$20 boleh digunakan api yang banyak tanpa meter, lagipun masalah meter susah hendak didapati. Adakah polisi ini akan diteruskan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maklum ramai di antara masyarakat luar bandar yang hendakkan meter, kerana mereka menganggap bahawa

tiada meter, mereka terpaksa membayar lebih banyak lagi. Jadi, adalah lebih teratur kalau sekiranya setiap daripada bekalan mempunyai meter.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dr Nicholas Munong Ibau.

(Soalan No. 4 Y.B. Dr Nicholas Munong Ibau tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Nurnikman Abdullah.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdulah tidak hadir).

ULAMA WARSATUL AMBIA

6. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan Malaysia kekurangan ulama yang “warsatul ambia” yang mampu menghadapi cabaran zaman, apakah langkah-langkah yang difikirkan supaya Malaysia dapat mengeluarkan ulama di masa akan datang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Institusi Pengajian Tinggi Tempatan sentiasa berusaha untuk meluaskan bidang-bidang keagamaan sepertimana memperkembangkan Fakulti Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Akademi Islam di Universiti Malaya untuk melatih pelajar-pelajar berpendidikan Islam. Di samping itu, dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa serta program latihan di luar negeri akan lahir cendekiawan-cendekiawan Islam yang mampu menghadapi cabaran zaman.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Pendek sahaja!

Tuan Shahidan bin Kassim: Pendek sahaja. Saya ingin bertanya apa yang dimaksudkan dengan ulama yang "warsatul ambia"? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan menguji!

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, saya tak faham ini.

Yang keduanya, apakah Kementerian bercadang untuk mengambil pemimpin-pemimpin PAS sebagai ulama yang dimaksudkan di bawah kelas ini. Saya tak faham, sebab itu saya bertanya.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "warsatul ambia" itu dalam Bahasa Inggeris, "scholars who have deep knowledge in religion".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia bersedia, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, di dalam semua agama, Kerajaan tidak hendak membezakan siapa warganegara yang berada di negara kita untuk mengambil pelajaran dalam bidang agama.

HUTANG NEGARA KERAJAAN PERSEKUTUAN

7. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang negara sehingga ke hari ini dengan memberi pecahan mengikut hutang-hutang dalam dan luar negeri masing-masing dan sama ada pinjaman-pinjaman baru telah dibuat untuk servis hutang-hutang yang sedia ada sejak 3 tahun yang lalu dan jika ia, berapakah jumlahnya dan sumber pinjaman-pinjaman baru ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hutang negara yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan sehingga 30hb September, 1987 ialah sebanyak \$79.1 billion yang mana \$51.6 billion adalah pinjaman dalam negeri dan \$27.5 billion adalah pinjaman luar negeri.

Sebagai langkah untuk mengurangkan beban hutang pinjaman luar negeri, Kerajaan telah memperolehi pinjaman-pinjaman baru untuk membuat pra bayaran (prepayment) kepada pinjaman-pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang tinggi. Setakat ini semua pra bayaran yang dibuat oleh Kerajaan adalah untuk pinjaman pasaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman sejumlah \$6,335.4 juta telah diambil oleh Kerajaan sejak tahun 1984 hingga 1986 untuk membuat pra bayaran kepada pinjaman pasaran. Kebanyakan pinjaman ini adalah melalui "Floating Rate Notes" yang diambil dari pasaran wang antarabangsa.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu memandangkan perusahaan awam bukan kewangan berhutang sebanyak \$15 billion dalam hutang luar negeri dan ia telah meningkatkan lagi hutang luar negeri negara kita, adalah perlu untuk mengawal dengan rapi pinjaman-pinjaman luar negeri. Bolehkah Kementerian Kewangan akan mengenakan satu kebekuan ke atas semua pinjaman luar negeri oleh perusahaan awam bukan kewangan, kalau tidak, apakah sebabnya?

Soalan kedua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah mengurangkan hutang luar negeri sebanyak 7% tahun ini, akan tetapi pinjaman dalam negeri Kerajaan telah meningkat dari \$45 billion dalam tahun

yang lalu kepada \$54 billion dalam tahun ini, iaitu peningkatan 17% untuk membantu Kerajaan mengatasi defisit akaun semasa sektor awam. Soalnya, adakah wajar bagi Kerajaan mempunyai hutang dalam negeri yang begitu banyak. Apakah langkah-langkah Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahlah!

Tuan Chua Jui Meng:
.mengurangkan hutang tersebut?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu panjang sangat. Bagi menjawab soalan tambahan bahagian pertama itu, saya ingin bagi pihak Kementerian Kewangan menyatakan di sini bahawa Kementerian Kewangan atau Kerajaan kita sentiasa mengawasi keadaan pinjaman dari mana-mana pihak dan Kementerian Kewangan menganggap bahawa jumlah hutang yang ada sekarang ini bukanlah serius kalau dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi negara kita pada masa ini.

Bagi menjawabkan soalan bahagian yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lupa apa soalnya sebab panjang sangat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Langkah-langkah untuk mengurangkan.

Tuan Loke Yuen Yow: Sila ulangi.

Tuan Chua Jui Meng: Sebab pinjaman dalam negeri yang begitu banyak dan kian meningkat pada tahun ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan atau Kementerian Kewangan untuk mengurangkan kenaikan, dengan izin, domestic loan?.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tak silap beberapa hari lalu saya telah menjawab soalan-soalan berkenaan dengan pinjaman-pinjaman dalam negeri.

Pada hakikatnya, Kerajaan kita ini sentiasa mengawasi jumlah pinjaman yang Kerajaan mengambil daripada sumber luar negeri ataupun dalam negeri hanya apabila Kerajaan berasa bahawa adalah perlu untuk Kerajaan meminjam lagi, pinjaman dari pasaran dalam negeri, maka Kerajaan akan mengambil tindakan supaya Kerajaan berasa bahawa pinjaman yang Kerajaan dapat dari pasaran dalam negeri ialah pinjaman yang murah yang mempunyai kadar faedah yang rendah sekali.

Jadi soalnya adakah Kerajaan mengambil langkah atau tindakan untuk mengurangkan pinjaman dalam negeri, ini adalah suatu soalan yang sukar bagi Kerajaan menjawabnya. Apabila pihak Kerajaan menganggap sesuai kerana pinjaman itu ialah pinjaman yang murah, Kerajaan akan berbuat demikian, supaya pinjaman yang didapati dari pasaran dalam negeri dapatlah membayar balik pinjaman-pinjaman yang mahal dari luar negeri.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pendek. Yang pertama, apakah gambaran mengenai nisbah perkhidmatan hutang sekarang, debt servicing ratio, dengan izin, pada tempoh berkenaan tadi sehingga September, 1987.

Yang kedua, adakah angka terhadap hutang negara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengambil kira juga pinjaman-pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri serta pihak swasta serta pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Itu dua soalan sahaja.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan berkenaan dengan debt servicing ratio pada ketika ini, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa debt servicing ratio, dengan izin, ketika ini hanya di tahap 18.1% daripada Keluaran Negara Kasar (GNP) dan pada pandangan Kerajaan jikalau debt servicing ratio tidak melebihi 20% daripada GNP, Kerajaan menganggap bahawa keadaan pinjaman negara kita ini adalah sihat.

Bagi menjawab soalan kedua, saya ingin minta maaf kerana saya tidak berapa pasti bahawa apa yang tadi saya telah sebutkan itu termasuk apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi saya boleh memaklumkan melalui secara bertulis selepas saya berbincang dengan pegawai-pegawai saya.

PENGELUAR BARANGAN UTAMA

8. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil setakat ini supaya pemerosesan bawah (downstream processing) dikenakan terhadap bahan utama kita seperti kelapa sawit, getah, koko, lada hitam, kelapa, jagung, pisang, nenas dan ubi kayu supaya nilai ditambah (value added) bagi bahan-bahan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya negara kita bukan sahaja menjadi pengeluar barangan utama di dalam bentuk bahan mentah, tetapi juga dalam bentuk barang-barang yang sudah diproses. Hasrat ini terkandung dengan jelas di dalam Pelan Induk Perindustrian.

Usaha Kerajaan untuk menggalakkan pemerosesan barangan utama ditingkatkan melalui berbagai

insentif yang disediakan oleh Kerajaan. Antaranya, termasuklah pelbagai galakan fiskal seperti yang terdapat di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 dan juga Akta Pendapatan Cukai, 1967 seperti Taraf Perintis, Elaun Pelaburan Cukai, Galakan Pengurangan Pendapatan Larasan (Abatement of Adjusted Income), dengan izin, Elaun Susutan di Percepatkan (Accelerated Depreciation Allowance), dan lain-lain untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor pengilangan termasuk industri pemerosesan yang menggunakan barangan utama serta bahan-bahan makanan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah membuat beberapa langkah yang bertujuan mengukuhkan lagi keupayaan negara di dalam bidang pemerosesan, termasuklah:

- (i) Penghantaran beberapa misi pelaburan dan juga mengadakan seminar-seminar pelaburan di luar negeri untuk menggalakkan pelabur-pelabur daripada negara-negara maju untuk melabur di dalam sektor pemerosesan bawahan di negara ini.
- (ii) Menyalur peluang dan potensi berhubung dengan industri berasaskan barangan utama serta bahan-bahan makanan kepada pihak swasta melalui seminar dan bengkel untuk meningkatkan lagi penyertaan mereka dalam pemerosesan bawahan.
- (iii) Mewujudkan beberapa skim pinjaman yang merupakan galakan dalam bidang kewangan bagi pengusaha-pengusaha di dalam sektor pengilangan seperti Tabung Pelaburan Baru dan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport telah juga disediakan.

Dengan kemudahan-kemudahan kewangan ini, pelabur-pelabur boleh meningkatkan lagi penceburan mereka dalam industri pemerosesan.

- (iv) Memberikan bantuan kepada pengilang-pengilang yang mengusahakan pemerosesan bawahan dengan cara memperkenalkan barangan keluaran mereka ke pasaran antarabangsa melalui pameran dan misi perdagangan luar negeri.
- (v) Memberi khidmat nasihat pemasaran dari segi bungkus, kehendak-kehendak pasaran luar negeri, peraturan-peraturan kesihatan dan ciri-ciri pemasaran bagi pasaran tertentu kepada mereka yang cenderung untuk mengusahakan pemerosesan bawahan.
- (vi) Menjalankan usaha-usaha penyelidikan oleh institusi-institusi penyelidikan Kerajaan bertujuan untuk menghasilkan lebih banyak produk-produk yang mempunyai mutu dan berjaya-maju untuk dijadikan bahan-bahan input dalam proses pengilangan. Di samping itu institusi-institusi penyelidikan juga menjalankan usaha untuk menghasilkan produk-produk baru dengan menggunakan barangan utama serta bahan-bahan makanan tempatan sebagai input dalam proses pengeluaran.
- (vii) Bagi industri berasaskan getah dan minyak kelapasawit, Kerajaan juga telah menubuhkan Pasukan Pertugas Perindustrian Getah, dengan izin, Rubber Industry Task Force (RIFTO) dan

Pasukan Minyak Kelapasawit di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengilang-pengilang industri barangan getah dan minyak kelapasawit. Khusus bagi industri berasaskan getah, Kerajaan telah memberi diskaun harga getah dan kadar elektrik serta pengecualian cukai import ke atas bahan-bahan mentah yang diperlukan dikenakan dalam pembuatan barangan getah.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faktor-faktor penghalang bagi pelabur di negara ini untuk bergiat di dalam pemerosesan bawahan negara ini dan yang kedua apakah faktor-faktor penghalang bagi pembeli di luar negeri untuk membeli hasil keluaran pemerosesan bawahan negara ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya para pengilang dan pelabur-pelabur tempatan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai kemungkinan-kemungkinan dan peluang-peluang pasaran di luar negeri dan juga setengah-setengah daripada mereka mungkin tidak mempunyai kepakaran yang cukup untuk mengeluarkan satu product yang boleh ditandingi di pasaran antarabangsa.

Mengenai soalan yang kedua, tidak ada masalah bagi pembeli-pembeli luar negeri untuk membeli barang-barang yang dikeluarkan di dalam negara ini asalkan barang-barang tersebut competitive, dengan izin, dari segi mutu dan harganya di pasaran antarabangsa. Yang pentingnya ialah bahawa barang-barang yang dikeluarkan itu mestilah mempunyai bilangan ataupun kuantiti yang cukup untuk dipasarkan secara besar-besaran untuk eksport ke luar negeri.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa punca-punca atau satu daripada alasan mengenai penjualan ataupun market problem ialah disebabkan pertamanya ketiadaan pengetahuan daripada para pekilang ataupun hasil itu kurang ditandingi dalam market. Jadi dalam perkara ini adakah Kementerian ini mempunyai cara untuk mengatasi masalah competitive market apabila mendapati masalah seperti ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang-panjang pengeluaran mengenai barang-barang komoditi, Kementerian saya sentiasa menghantar misi-misi perdagangan untuk memperkenalkan barang-barang keluaran negara kita ke luar negeri dan di samping itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga sentiasa menghantar misi-misi dagang ke luar negeri untuk memperkenalkan barang-barang keluaran kita.

Di samping itu juga pihak swasta sendiri dengan bimbingan daripada Kerajaan sentiasa mengambil bahagian dari masa ke semasa di dalam pameran-pameran antarabangsa yang diadakan di ibukota-ibukota negara besar dengan tujuan untuk memperkenalkan dan mempopularkan barang-barang keluaran dalam negara kita.

Mengenai soal harga, ini satu masalah yang perlu dijelaskan di sini bahawa dari satu segi kita boleh bertanding dengan barang-barang pengeluaran setengah-setengah negara, tetapi oleh kerana kadar bayaran upah di negara kita ini agak tinggi kalau berbanding dengan kadar bayaran upah di setengah-setengah negara di kawasan di sebelah sini maka kita dapati setengah-setengah keluaran dalam negara kita tidak competitive di luar negeri.

UNDANG-UNDANG BURUH— PINDAAN

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh menyatakan sama ada pemindahan nyata terhadap Ordinan Kesatuan Pekerja-pekerja 1959 dan Ordinan Pekerjaan 1955 ialah suatu penunjuk akan dasar Barisan Nasional untuk memeras dan menindas golongan buruh di negara ini; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, pengubahsuaian atau pindaan yang dibuat dari masa ke semasa terhadap semua Undang-undang Buruh adalah hasil daripada kajian yang mendalam selepas perbincangan tripartisma secara terperinci dengan pihak majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja di peringkat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan.

Kepentingan kaum pekerja serta para majikan sentiasa diberi pertimbangan yang saksama dalam sebarang pindaan kepada Undang-undang Buruh. Kementerian Buruh ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan bahawa tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk mengkaji cadangan-cadangan untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Kerja 1955 adalah sebagai sebahagian daripada kajian semula ke atas semua Undang-undang Buruh dan akan menimbangkan kepentingan tenaga buruh dengan sedalam-dalamnya dan ia bukanlah bertujuan untuk memeras atau menindas golongan buruh.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soal saya ialah kenapa Akta Kerja 1955 belum dilanjutkan ke negeri Sarawak dan Sabah? Walaupun saya sudah bertanya ke atas perkara ini sudah 5 tahun, sejak tahun 1982, dan setiap kali pertanyaan dibuat, Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap "di bawah kajianlah, Jawatankuasa ditubuhkan untuk mengkaji", tetapi

sampai sekarang pun tidak ada jawapan. Kenapa, dan berapa lama macam ini? Tidak cekap sama sekali!

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh memang menyedari perkara itu sudah lama tidak dapat diputuskan. Walau macam manapun ketiga-tiga pihak iaitu Kementerian, pihak majikan dan juga kesatuan sekerja akan sentiasa dibawa berunding untuk memastikan bahawa segala pindaan itu memuaskan hati semua pihak. Setakat ini masih belum ada persetujuan yang dibuat dan kita berharap bahawa semangat tripartisma dalam mesyuarat-mesyuaratnya akan dapat memutuskan untuk kepentingan mengikut aspirasi masyarakat semua.

INDUSTRI TIMAH— MEMULIHKAN

10. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memulihkan industri timah yang hampir lumpuh, dan bagaimanakah pula Kementerian tersebut dapat menolong pelombong-pelombong yang dibuang kerja oleh tekanan harga timah dan kemelesetan ekonomi dan berapakah pula lombong-lombong yang dibuka semula dan pekerja-pekerja diambil semula untuk bekerja.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah melaksanakan Skim Pinjaman Mudah sejak pertengahan 1986 untuk membantu memulihkan serta mengekalkan kedudukan perusahaan timah di negara kita. Menerusi skim ini para pelombong yang layak boleh mendapatkan pinjaman dengan syarat-syarat yang longgar daripada bank-bank yang menyertainya. Sejumlah \$70 juta telah diperuntukkan bagi membiayai skim tersebut. Setakat ini sebanyak 80 buah syarikat

perlombongan yang layak telah mendapat bantuan daripada skim ini bernilai kira-kira \$3 juta.

Walaupun skim ini terbuka kepada semua pelombong namun jumlah permohonan yang diterima adalah kecil. Sementara itu kadar tarif elektrik bagi perlombongan telah dikurangkan sebanyak antara 14% hingga 17% dari bulan September 1985 dan Mac 1986 manakala 15% lagi dikurangkan pada bulan Julai 1986. Harga minyak diesel juga telah diturunkan sebanyak kira-kira 20% pada bulan April 1986.

Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk menimbang dan memperakukan langkah-langkah luar jangka yang boleh diambil bagi membantu perusahaan timah menghadapi masalah pasaran.

Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju memberi kerjasama di dalam melanjutkan tempoh pajakan lombong, menggalakkan aktiviti pertanian di atas tanah-tanah perlombongan khususnya dengan tanaman kontan, pembiakan ikan air tawar, memesatkan aktiviti pembinaan rumah kos rendah dan pembinaan lebuhraya bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para pekerja lombong yang telah diberhentikan akibat penutupan lombong. Langkah-langkah ini adalah yang telah dipertimbangkan dan diperakui oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi negara.

Melalui skim merasionalisasikan bekalan timah, lebih stok di dalam pasaran dapat dikurangkan dan keadaan normal di dalam pasaran dapat dipulihkan dengan lebih awal. Ini akan dapat membantu perusahaan-perusahaan timah pulih dalam jangka masa yang pendek dan juga mengurangkan beban tanggungannya oleh kerana di dalam keadaan normal pengeluaran dan harga timah dijangka akan dapat meningkat.

Dengan pemulihan ini lebih banyak lombong dijangka akan dapat dibuka dan ini akan dapat menambah peluang pekerjaan.

Sebagai mempertingkatkan lagi pasaran timah Kerajaan telah melancarkan pasaran hadapan timah di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) mulai 27-10-87. Ini adalah untuk memberi peluang kepada para pelombong tempatan untuk melibatkan diri di dalam menentukan masa depan harga timah dan juga melindungi kepentingan mereka dari kejatuhan harga melalui hedging.

Bilangan lombong yang beroperasi sehingga akhir Ogos 1987 ialah 234 buah berbanding dengan 197 buah pada bulan Disember 1986. Ini bermakna 37 buah lombong telah dibuka semula dalam tempoh tersebut. Bilangan pekerja pula ialah 11,342 orang pada akhir Ogos 1987 berbanding dengan 11,797 orang pada bulan Disember 1986. Pengurangan ini adalah akibat daripada penutupan sebuah lombong bawah tanah di Sungai Lembing dan 2 buah lombong kapal korek di Pahang dan Johor.

Dr Goh Cheng Teik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana sekali dua toleh ke sebelah sini. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Susah nampak, Yang Berhormat.

Dr Goh Cheng Teik: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau telah terangkan bahawa Jawatankuasa Anti Resesi telah buat beberapa cadangan untuk membantu bekas pekerja lombong dan salah satu yang dicadangkan ialah membantu mereka mengusaha tanah-tanah lombong terbiar bagi tujuan tanaman, ternakan dan sebagainya. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kemajuan yang dicapai oleh Kementerian beliau

setakat ini untuk mendapat tanah-tanah lombong terbiar bagi bekas pekerja-pekerja bijih timah misalnya di negeri Perak?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian adalah sentiasa menghubungi lombong-lombong yang mempunyai tanah yang tidak diusahakan untuk diberi guna sementara kepada bekas-bekas pekerja mereka untuk dijadikan kolam ternakan ikan dan juga ternakan serta tanaman-tanaman sayur dan sebagainya.

Pada masa ini saya tidak mempunyai angka yang tepat jumlah kawasan yang telah digunakan untuk tujuan pertanian dan kalau Yang Berhormat boleh bersabar, saya akan mendapatkan angka itu dan hubungi beliau melalui surat.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar skim pinjaman yang telah dilakukan oleh Kerajaan tidak memberi hasil yang begitu panjang kepada pelombong-pelombong dan hanya satu perkara sahaja yang boleh membantu pelombong-pelombong iaitu harga yang lebih baik di dalam pasaran timah ini. Adakah Yang Berhormat sedar skim yang telah dijalankan untuk menghalangkan harga jatuh melalui skim ATPC ini tidak begitu disokong oleh pelombong-pelombong di negara kita dan sebab apakah pihak Kementerian tidak mengambil kira pendapat daripada pihak pelombong di negara kita?

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya bersetuju bahawa skim ini merupakan satu langkah sementara untuk membantu lombong-lombong yang mempunyai masalah kewangan supaya dapat beroperasi sepenuhnya dan sebagai langkah jangka pendek memanglah ia tidak dapat mengatasi

masalah yang dihadapi oleh pelombong pada keseluruhannya. Tetapi seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa harga bagi bijih timah sekarang sudah mulai meningkat pada kadar yang lebih tinggi kalau dibandingkan setahun yang lepas iaitu \$16 lebih kepada \$17 dan ini menampakkan tanda-tanda bahawa sudah ada sedikit perubahan dalam harga bijih timah dan kita berharap kalau perubahan ini akan terus seperti keadaannya sekarang, maka perusahaan timah akan dapat dipulihkan sepenuhnya pada satu masa yang singkat.

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

11. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapakah gangguan bekalan api elektrik dari Tanjung Karang ke Sabak Bernam sering terputus terutama pada hujung minggu. Hal ini telah berlaku sejak kira-kira tahun yang lalu. Kadangkala "angin tiada hujan pun tiada" tetapi bekalan api elektrik terputus juga. Kenapakah perkara ini berlaku. Apakah usaha Kementerian bagi mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini daerah Sabak Bernam adalah dibekalkan melalui talian atas 33 KV yang tunggal sepanjang 116 km. dari pencawang utama 132 KV yang diturunkan kepada 33 KV di Batang Berjantai. Talian atas yang panjang ini terdedah kepada berbagai jenis gangguan. Oleh kerana tiada punca kedua ke daerah Sabak Bernam pada masa sekarang, maka gangguan dan kerosakan talian atas antara Sabak Bernam dan Batang Berjantai sering berlaku.

Pada bulan Jun 1987, keadaan menjadi lebih serius apabila berlakunya satu letupan di pencawang utama di Kuala Selangor. Kesemua bekalan elektrik ke Kuala Selangor terpaksa dibekalkan dari sumber yang sama ke Sabak Bernam. Ini telah mengganggu bekalan akibat membawa bebanan yang berlebihan. Pencawang utama Kuala Selangor telah diperbaiki dan masalah gangguan kerana bebanan berlebihan telah diatasi.

Tindakan jangka panjang untuk mengatasi masalah bekalan elektrik ke Sabak Bernam, Lembaga Letrik Negara akan mewujudkan satu pencawang utama 132 KV dan 33 KV yang baru di Hutan Melintang dan akan merentang talian atas 33 KV sepanjang 17 km ke Sabak Bernam dan jika laluan talian atas tidak menjadi halangan, projek ini akan siap pada akhir tahun 1988. Projek ini akan dapat mengatasi kelemahan yang sedia ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng.

Tuan Law Lai Heng: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan itu, saya meminta membetulkan nama saya "M" gantikan dengan "H".

BANGUNAN SEKOLAH—PENYELENGGARAAN

12. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar terlebih dahulu bahawa banyak bangunan sekolah tidak diberi penyelenggaraan yang baik sehingga keadaan sekolah-sekolah tersebut amat buruk dan daif sekali;
- (b) dengan peruntukan yang terhad itu, bagaimana Yang Berhormat Menteri Pendidikan menentukan keutamaan untuk

program-program dan aktiviti Kementeriannya. Mengapa Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak mengambil berat tentang keadaan bilik-bilik darjah untuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang begitu buruk, daif dan hampir runtuh dan mengancam keselamatan murid-murid; dan

- (c) apakah tanggungjawab Menteri jika murid-murid tersebut tercedera akibat siling atau bangunan bilik darjah yang runtuh.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang disedari bahawa terdapat banyak bangunan sekolah yang berkeadaan buruk dan perlu dibaiki, tetapi ianya tidaklah dibaikan.

Pada setiap tahun, Kementerian Pendidikan ada menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan dan memperbaiki bangunan-bangunan sekolah di setiap negeri yang difikirkan perlu. Di dalam menentukan keutamaannya, ianya diserahkan kepada setiap Jabatan Pendidikan Negeri dan pertimbangan diberi untuk semua jenis sekolah termasuklah sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Oleh yang demikian, tidak timbul soal bahawa Kementerian Pendidikan tidak mengambil berat tentang sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang begitu buruk, daif dan hampir runtuh serta mengancam keselamatan murid-murid.

Kementerian Pendidikan memang menjalankan tanggungjawabnya untuk menyelenggara bangunan-bangunan sekolah milik Kementerian mengikut kemampuannya supaya murid-murid dapat belajar dengan selesa dan selamat. Walau bagaimanapun

Kementerian tidak boleh bertanggungjawab ke atas bangunan SRJK Cina dan Tamil yang bukan didirikan oleh Kerajaan dan dengan itu bukan hak milik Kerajaan.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan bangunan sekolah yang berbahaya itu saya ingin mengetahui menurut rekod Kementerian Pendidikan, apakah jumlah bangunan sekolah-sekolah yang berada dalam keadaan yang berbahaya itu dan kenapakah pihak Kementerian tidak meminta lebih banyak peruntukan untuk mengatasi masalah itu?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada rekod di sini berkaitan dengan berapa buah sekolah yang dalam keadaan merbahaya dan JKR sentiasa ada memberi sijil memaklumkan kepada keadaan sekolah yang sangat merbahaya dan Kementerian Pendidikan selalu berusaha untuk meminta Kementerian Kewangan untuk meluluskan peruntukan "Emergency Fund", dengan izin, untuk menyelamatkan sekolah-sekolah yang sangat-sangat merbahaya dan Kementerian Pendidikan ada membuat usaha untuk meminta Kementerian Kewangan menambah peruntukan seperti pada tahun 1988 jumlah peruntukan untuk pembangunan sudah bertambah sampai \$80 juta lebih.

JAWATAN KOSONG DALAM KEMENTERIAN/JABATAN

13. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan Jabatan-jabatan Kerajaan yang manakah yang kekurangan tenaga kerja dan mengapa kekosongan jawatan-jawatan ini tidak diisi untuk meningkatkan kecekapan Jabatan-jabatan Kerajaan dan memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Berapakah jawatan dalam Kategori A, B, C dan D yang telah kosong semenjak tahun 1980 yang masih belum dipenuhi sehingga hari ini dan mengapa.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian atau Jabatan yang mempunyai kedudukan kekosongan jawatan yang besar bagi semua kumpulan dan boleh dianggap kekurangan tenaga kerja adalah seperti berikut:

<i>Kementerian/Jabatan</i>	<i>Kekosongan</i>
(i) Kementerian Kesihatan	10,603
(ii) Jabatan Penjara ..	1,494
(iii) Perkhidmatan Polis ..	7,166
(iv) Perkhidmatan Tentera	36,416
(v) Kementerian Pendidikan	12,834

Pada dasarnya, pengisian kekosongan dalam perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan dibenarkan khususnya bagi jawatan-jawatan profesional dan teknikal. Walau bagaimanapun, proses bagi mengisi jawatan-jawatan tersebut mengambil masa oleh kerana pengambilan baru perlu dibuat berdasarkan kelulusan ataupun latihan pra perkhidmatan yang disyaratkan di bawah skim-skim perkhidmatan masing-masing. Berdasarkan kepada rekod yang ada pada masa ini, terdapat 185,080 jawatan kosong bagi keseluruhan sektor awam mengikut pecahan seperti berikut:

Kumpulan A	22,289
Kumpulan B	13,169
Kumpulan C	61,810
Kumpulan D	87,812

Pada umumnya, kekosongan seperti di atas itu, melainkan yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan profesional dan teknikal seperti yang

telah saya sebutkan tadi, dikawal pengisiannya. Hanya jawatan-jawatan yang benar-benar perlu diisi atas kepentingan negara akan diluluskan pengisiannya. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan mengadakan langkah-langkah pengawalan dengan tujuan untuk memastikan anggota yang sedia ada digunakan pada tahap yang optimum serta dasar mengecilkan saiz perkhidmatan awam.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, berdasar kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan, terdapat kekosongan lebih 10,000 dalam Jabatan Kesihatan. Apa yang saya ingin tahu di sini bahawa di Sabah saya telah dihubungi oleh beberapa kakitangan, dengan izin, trained nurses atau jururawat terlatih, yang menyatakan bahawa mereka sudah bertugas hampir lebih setahun tetapi kini masih lagi belum diresap ke dalam jawatan yang tetap dan mengakibatkan mereka masih belum mendapat gaji penuh selain daripada bayaran untuk elaun sahaja. Apa yang menyebabkan terjadinya demikian? Terima kasih.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, masalah peresapan ini bukan sahaja sedang berlaku dalam Kementerian Kesihatan tetapi ia merupakan perkara yang boleh juga didapati di dalam Jabatan-jabatan lain yang diproseskan mengikut cara biasa. Walau bagaimanapun, perkara yang berlaku di Sabah itu diberikan perhatian dan saya yakin penyelesaiannya akan dibuat seberapa yang segera.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5 dan 14 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

MARDI—PENYELIDIKAN BUAH KEPAYANG

4. **Dr. Nicholas Munong Ibau** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Pusat Penyelidikan MARDI pernah membuat penyelidikan tentang pokok kepayang di atas kegunaan dan pasarnya oleh kerana baru-baru ini kaum pekebun di Sarawak telah digalakkan menanam pokok kepayang oleh Menteri Pertanian di Sarawak (State Minister).

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): MARDI belum lagi membuat penyelidikan terhadap kegunaan dan pasaran buah kepayang. Walau bagaimanapun, MARDI akan menjalankan penyelidikan mengenai buah ini terutama sekali terhadap mengatasi masalah menghapuskan keracunannya sebelum ianya boleh dimakan.

IMPORT TEKSTIL

5. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan berikutan dengan cadangan Amerika Syarikat hendak mengurangkan import tekstil dari Senate Amerika baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan Senate Amerika masih belum lagi meluluskan cadangan Akta Perdagangan Tekstil dan Pakaian 1987 (Textiles and Apparel Trade Act of 1987). Apa yang sebenarnya berlaku ialah cadangan akta tersebut hanya diluluskan oleh Dewan Perwakilan Amerika Syarikat pada 16hb September, 1987 yang lalu.

Mengikut maklumat yang diterima dari Perwakilan Malaysia di Washington D.C., Dewan Senate dijangka akan membuat pengundian

mengenai akta berkenaan pada penghujung bulan Oktober atau bulan November ini, sebelum ianya dikemukakan kepada Presiden untuk dijadikan undang-undang.

Kerajaan Malaysia dan lain-lain Kerajaan Negara Asean melalui Jawatankuasa Asean-Washington, telah menghantar satu memorandum kepada semua ahli-ahli Dewan Perwakilan dan Senat sebagai membantah kelulusan dan pelaksanaan akta berkenaan. Di samping itu Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian juga telah membangkitkan dan mengulangi bantahan Malaysia ini kepada pegawai-pegawai pentadbiran dan ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat semasa mengetuai lawatan rombongan Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Amerika Syarikat baru-baru ini. Yang Berhormat Menteri telah difahamkan, oleh kerana akta ini terlalu protectionist, besar kemungkinannya Presiden akan menggunakan kuasa pembatalnya (VETO) untuk menolak pelaksanaan akta tersebut.

CUKAI IMPORT ATAS BAJA PERTANIAN

14. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menurunkan cukai import ke atas baja-baja pertanian untuk mengurangkan dan meringankan masalah kewangan dan perusahaan pertanian yang dibebani oleh pengusaha-pengusaha kecil terutamanya di dalam kemerosotan harga-harga hasil pertanian.

Dato Kok Wee Kiat: Pada masa kini, kebanyakan baja-baja pertanian yang diimport tidak dikenakan sebarang cukai import. Hanya baja-baja kimia yang merupakan sebatian ammonia seperti "ammonium nitrate" dan

“ammonium sulphate” dikenakan duti import sebanyak \$44.29 se tan metrik dan cukai tokok sebanyak 5% untuk melindungi kilang-kilang tempatan yang juga memproses sebatian ammonia tersebut.

KAWASAN TANAMAN KOPI/ SAYURAN/TERNAKAN LEMBU

15. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad ingin mengetahui dari Yang Berhormat Menteri Pertanian, adakah Kerajaan telah mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk menanam kopi, sayuran dan menternak lembu di Sungai Petani, Baling, Sik dan Padang Terap, apakah perancangan yang sedang dibuat mengenainya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kementerian Pertanian telah mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk menanam kopi dan menternak lembu di daerah Baling, Sik dan Padang Terap melalui penyediaan “Pelan Operasi Mempergiatkan Program Pembangunan Pertanian Baling, Sik dan Padang Terap” di bawah Projek Lembah Kedah pada tahun 1986. Seluas 540 ha. kawasan pemulihan kopi dan 1104 ha. kawasan tanaman baru kopi telah dikenalpasti bagi ketiga-tiga daerah dalam tempoh RML. Walaupun tanaman kopi terutamanya jenis Robusta adalah sesuai di seluruh negeri Kedah dari segi iklim dan tanah tetapi di atas pertimbangan-pertimbangan ruang pasaran, keberkesanan pelaksanaan program dan keperluan meningkatkan pendapatan golongan sasaran, penekanan program kopi telah diberi kepada ketiga-tiga daerah berkenaan sahaja.

Bagi tanaman sayur-sayuran, Kementerian belum lagi mengenalpasti kawasan yang sesuai untuk dijalankan secara besar-besaran bagi kesemua daerah berkenaan kerana kkuatir

masalah penyertaan, sambutan dan juga pemasaran. Ini disebabkan tanaman sayur-sayuran memerlukan tahap pengurusan yang baik dan mempunyai risiko yang tinggi. Di samping itu, adalah didapati bahawa keperluan sayur-sayuran tempatan adalah mencukupi.

Potensi menternak lembu adalah juga luas di keempat-empat daerah. Pelan Operasi telah mengenalpasti sebanyak 225 ekor lembu penggemuk, 1500 ekor lembu pembiak dan 420 ekor lembu tenusu sesuai dipelihara dan diusahakan di daerah Baling, Sik dan Padang Terap. Satu Projek baru telah dikenalpasti iaitu pembiakan bibit sebanyak 150 ekor dengan secara komersial di daerah Baling, Sik dan Padang Terap. Di daerah Sungai Petani, sebanyak 400 ekor lembu pembiakan, 180 ekor lembu penggemuk, 250 ekor lembu tenusu (penambahan stok) dan 27 ekor lembu jantan telah disediakan dalam RML.

PENDAPATAN HASIL MINYAK

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan berapakah pendapatan dari hasil minyak yang dibayar balik kepada setiap negeri pengeluar minyak bagi tiap-tiap tahun dari 1982 hingga 30 September 1987 dan sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk memberi faedah yang lebih kepada setiap negeri yang mengeluarkan minyak ini untuk pembangunan negeri masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Jumlah pendapatan dari hasil minyak (iaitu minyak mentah dan gas) atau royalti yang dibayar balik kepada setiap negeri dari tahun kewangan 31 Mac 1982 hingga 31 Mac 1987 ialah bagi Terengganu dari jumlah \$183 juta meningkat kepada \$195 juta; Sarawak dari \$159 juta menurun kepada \$139

juta; dan bagi Sabah dari \$88 juta menurun kepada \$56 juta. Kedudukan tiap-tiap tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Terengganu (Juta \$)	Sarawak (Juta \$)	Sabah (Juta \$)
1982 ..	183	159	88
1983 ..	198	164	114
1984 ..	238	197	106
1985 ..	286	239	106
1986 ..	282	226	94
1987 ..	195	139	56

Angka-angka muktamad bagi pembayaran royalti dari 1 April 1987 hingga 30 September 1987 masih dalam perkiraan dan belum dapat dimaklumkan.

Royalti di atas hasil minyak yang dibayar kepada setiap negeri pengeluar minyak iaitu Terengganu, Sarawak dan Sabah ialah sebanyak 5% daripada jumlah minyak yang dikeluarkan.

Pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menimbang pemberian faedah yang lebih kepada setiap negeri yang mengeluarkan minyak. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum hasil negara telah terjejas dengan kejatuhan harga-harga barangan utama termasuk harga minyak dan gas. Dengan itu Kerajaan perlu mengambil langkah jimat cermat dalam pengurusan hasilnya.

PROTON SAGA—JUALAN EKSPORT

17. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan jumlah jualan eksport Proton Saga, negara yang terlibat dan sama ada jualan ini telah disubsidikan atau tidak dan jika ya, untuk berapa lama.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Semenjak kereta Proton Saga dilancarkan pada 1hb September, 1985 sehingga 14 Oktober 1987, sejumlah 425 unit telah dieksport ke negara-negara Bangladesh, Brunei

Darussalam, New Zealand, Malta dan Sri Lanka. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada sebarang subsidi yang diberikan kepada kereta-kereta Proton Saga yang dieksport.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT—BAYARAN BALIK

18. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilakah butir-butir mengenai rancangan membayar balik wang simpanan kepada para penyimpan di koperasi yang dibekukan akan diumumkan; dan
- (b) bilakah para penyimpan di koperasi akan dibayar ansuran kedua simpanan mereka.

Tuan Loke Yuen Yow: Pertanyaan Ahli Yang Berhormat pada dasarnya adalah sama dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka pada 15hb Oktober, 1987. Oleh kerana saya telah pun menjawab pertanyaan tersebut, saya tidak bercadang untuk mengulanginya sekali lagi.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—SASARAN KHABAR ANGIN

19. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah bagi mengelakkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jadi sasaran khabar angin oleh golongan-golongan tertentu untuk mengaut keuntungan dengan cara menaburkan khabar-khabar angin yang tidak berasas sama ada di dalam dan di luar negeri supaya dapat diberkas. Agar kedudukan pasaran saham ini di masa akan datang lebih setabil bagi kepentingan ekonomi negara.

Tuan Loke Yuen Yow: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perdagangan sekuriti adalah tertakluk kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Seksyen 86 Akta berkenaan melarang seseorang membuat sesuatu pertanyaan, atau menyebarkan maklumat, yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material yang berkemungkinan mempunyai kesan menaikkan, menurun, mengekalkan atau menstabilkan harga sesuatu saham. Sejajar dengan peruntukan ini, Pendaftar Syarikat, selaku pendaftar perusahaan sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sentiasa mengawasi dengan rapi sebarang penyebaran maklumat di pasaran saham. Penyebaran serta merta maklumat-maklumat yang diumumkan oleh syarikat-syarikat mengenai aktiviti-aktiviti mereka yang dilakukan oleh BSKL untuk mengelakkan sebarang manipulasi yang mungkin berpunca dari penyebaran khabar-khabar angin.

BUKU ILMIAH DALAM BAHASA MALAYSIA

20. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) rancangan dan tindakan Kementerian bagi mengatasi kekurangan yang serius buku-buku ilmiah dalam Bahasa Malaysia terutama di pusat-pusat pengajian tinggi; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian terhadap Dewan Bahasa dan Pustaka yang semenjak akhir-akhir ini begitu lembab dalam penerbitan buku-bukunya.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi mengatasi

kekurangan buku-buku ilmiah dalam Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kepakaran aditor dalam kerja-kerja penyuntingan dan penterjemahan;
- (ii) membina kepakaran penulis dan penterjemah yang bakal dan sedia ada dan membimbing mereka cara-cara teknik penulisan dan penterjemahan;
- (iii) meningkatkan pengetahuan dan kecekapan penggunaan bahasa yang baik di kalangan penulis dan penterjemah.

Berhubung dengan kelemahan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha penerbitan buku-buku, Kementerian Pendidikan telah meminta Lembaga Pengelola dan pihak Pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengkaji keseluruhan organisasi badan tersebut dengan maksud melincinkan serta mengukuhkan jentera pentadbirannya.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

21. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan pemimpin-pemimpin negara ke Negeri China sejak lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak sehinggalah lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit pada 13hb November; dari Gopeng pada 25hb November dan dari Tasik Chenderoh pada 3hb Disember kerana soalan-soalan mereka adalah sama.

Sejak 1974, tiga orang Perdana Menteri Malaysia telah melakukan lawatan rasmi ke Republik Rakyat China (RRC). Lawatan terulung oleh Allahyarham Tun Abdul Razak telah berjaya mewujudkan hubungan diplomatik dengan RRC. Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn telah melawat RRC pada bulan Mei, 1979 dan diikuti pula dengan lawatan rasmi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan November, 1985. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah mengetuai satu delegasi rasmi ke RRC pada 6 hingga 13hb September, 1987.

Lawatan-lawatan tersebut adalah merupakan usaha Kerajaan Malaysia untuk mencapai faedah bersama dan kerjasama ekonomi dengan RRC. Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai bolehlah dilihat dari segi pertumbuhan kerjasama perdagangan di antara Malaysia dengan RRC. Jumlah perdagangan telah meningkat dari paras \$483 juta pada tahun 1974 kepada lebih dari \$1,000 juta pada tahun 1986.

Tambahan pula, perbincangan-perbincangan dengan pucuk pemimpin RRC telah membawa kepada persefahaman dan kesedaran yang mendalam mengenai tujuan serta peranan Malaysia dan RRC mengenai hubungan dua hala, keadaan di rantau Asia Tenggara dan isu-isu antarabangsa.

Kerajaan Malaysia juga telah berjaya menyakinkan RRC tentang kepentingan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara, khususnya di Kampuchea. Persefahaman ini adalah penting untuk membolehkan negara-negara di kawasan ini mencapai kemajuan politik dan ekonomi tanpa sebarang campurtangan oleh kuasa-kuasa besar.

SYARIKAT ASIAN RARE EARTH

22. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan Perdana Menteri akan berusaha menghapuskan rasa takut penduduk-penduduk Lembah Kinta dengan mengarahkan ARE membenarkan pakar-pakar "radiation" yang dilantik oleh Perak Anti Radioactive Committee (PARC) untuk mengawal kilang ARE, jika tidak sila berikan sebab-sebab. Nyatakan juga sama ada Kerajaan akan melantik Panel Doktor-doktor Bebas untuk memeriksa pekerja-pekerja kilang ARE.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Individu yang dianggap sebagai "pakar radiasi" oleh Perak Anti Radioactive Committee itu sebenarnya bukanlah pakar dalam bidang "keselamatan dan perlindungan radiasi" yang diiktiraf oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa, malahan kepakaran mereka dalam bidang radiasi tidak diakui oleh negara asal mereka. Oleh itu tidaklah wajar sekiranya pihak Kerajaan mengarahkan Syarikat Asian Rare Earth untuk membenarkan individu-individu ini mengawasi paras sinaran di kawasan kilang tersebut, sedangkan mereka tidak terbukti mempunyai kemahiran yang sesuai.

Untuk menghilangkan rasa takut penduduk Lembah Kinta terhadap bahaya sinaran dari kilang Syarikat Asian Rare Earth, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, dan langkah-langkah ini termasuk aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) pengawasan rapi oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom ke atas aktiviti Syarikat Asian Rare Earth yang merangkumi pemeriksaan-pemeriksaan berkala dan pemeriksaan-pemeriksaan mengejut;
- (ii) pengukuran dan pengawasan paras sinaran di kawasan-kawasan sekitar kilang Asian

Rare Earth oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom dan juga Unit Tenaga Nuklear, bagi memastikan tidak ada sebarang peningkatan paras sinaran di kawasan-kawasan tersebut akibat daripada aktiviti Syarikat Asian Rare Earth;

- (iii) pengambilan sampel-sampel tanah, air dan tumbuh-tumbuhan dari kawasan-kawasan di sekitar kilang tersebut untuk dianalisa dan ditentukan sama ada kawasan-kawasan tersebut telah tercemar dengan bahan radioaktif dari kilang berkenaan;
- (iv) mengarahkan Syarikat Asian Rare Earth membina "stor sementara" bagi menempatkan dengan selamat bahan-bahan thorium hidroksid yang sedia terkumpul dan sekaligus memastikan syarikat itu tidak membuang bahan-bahan radioaktif tersebut ke kawasan-kawasan awam.

Usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan ini tidak akan berkesan sepenuhnya jika pihak-pihak tertentu terus memperbesar-besarkan isu mengenai radioaktif ini. Jesteru itu Kerajaan menyeru supaya pihak-pihak tersebut memberhentikan tindak-tanduk mereka yang memperbesar-besarkan isu ini. Sebaliknya mereka perlu membantu untuk meningkatkan keyakinan masyarakat awam terhadap Kerajaan, yang pada hakikatnya sedia mempunyai kakitangan yang terlatih di dalam bidang keselamatan dan perlindungan sinaran bagi memastikan aktiviti kilang Asian Rare Earth itu tidak memudaratkan mana-mana pihak.

Salah satu daripada syarat lesen yang dikenakan ke atas syarikat Asian Rare Earth oleh Lembaga Perlesenan Atom

mengkehendakki syarikat tersebut mengadakan pemeriksaan perubatan bagi pekerja-pekerja yang mungkin terdedah kepada sinaran mengion. Kehendak ini adalah untuk memastikan kesihatan pekerja-pekerja itu tidak terjejas oleh sinaran. Sebagai memenuhi syarat ini, Syarikat Asian Rare Earth telah pun melantik panel doktornya sendiri yang terdiri daripada pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar. Oleh itu kemampuan pengamal-pengamal perubatan yang menganggotai panel tersebut tidak perlu dipertikaikan lagi. Jika didapati mana-mana pekerja mengalami keadaan kesihatan yang tidak normal, panel tersebut dikehendaki merujukkan pekerja berkenaan kepada pakar-pakar perubatan Kerajaan. Setakat ini tidak ada pekerja yang mengalami gangguan kesihatan akibat dari sinaran. Di samping itu, pengawasan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom juga mendapati tidak ada pekerja yang telah menerima dos melebihi had dos tahunan yang dibenarkan oleh badan-badan antarabangsa. Justeru itu Kerajaan berpendapat adalah tidak wajar sekiranya panel-panel doktor bebas dilantik untuk memeriksa pekerja-pekerja kilang Asian Rare Earth, kerana usaha ini akan bertindih dengan langkah-langkah yang sedia ada.

PENCEMARAN HABUK DAN BISING DI KILANG

23. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengawal pencemaran habuk-habuk serta bunyi di kilang-kilang.

Tuan Kalakau Untol: Kementerian Buruh telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengawal pencemaran habuk dan bising di kilang-kilang. Di antara langkah-langkah untuk mengawal pencemaran habuk ialah

penguatkuasaan undang-undang seperti berikut:

- (a) Peraturan Kilang dan Jentera (Timah Hitam) 1984 sejak 1hb Mac, 1984 bagi mengawal kegunaan timah hitam (lead).
- (b) Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Proses Asbestos) 1986 sejak 1hb September, 1986 bagi mengawal pendedahan pekerja-pekerja kepada habuk asbestos.

Kementerian Buruh sedang dalam proses untuk menggubal peraturan-peraturan bagi mengawal pendedahan pekerja-pekerja kepada habuk galian seperti silica.

Mengenai pencemaran bising pula, Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Buruh telah menjalankan pengukuran paras bising dan ujian audiometrik di kilang-kilang tertentu semenjak tahun 1982. Kilang-kilang dinasihatkan supaya membekal serta memastikan pekerja-pekerja mereka memakai alat perlindungan pendengaran di samping meneruskan ujian audiometrik. Setakat ini 140 buah kilang yang mengakibatkan paras bising yang tinggi khususnya di Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Perak telah menerima nasihat tersebut. Sebagai langkah jangka panjang Kementerian Buruh sedang mempertimbangkan untuk menggubal peraturan-peraturan yang sesuai bagi mengawal pencemaran seperti ini. Peraturan-peraturan berkenaan dijangka akan dilaksanakan tidak lama lagi sebagai sebahagian daripada semakan semula ke atas semua undang-undang buruh.

Selain daripada penguatkuasaan yang dijalankan di bawah Peraturan-peraturan tersebut, Kementerian Buruh melalui Jabatan Kilang dan Jentera juga berusaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kesihatan perusahaan melalui kegiatan-kegiatan seperti memberi nasihat kepada kilang-kilang mengenai

cara-cara mengendali serta memperbaiki sistem-sistem kerja supaya pencemaran bagi kedua-dua jenis pencemaran ini dikawal dengan memuaskan.

KAMPUNG BARU JINJANG— MILIKAN TANAH

24. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang tercapai dalam ikhtiar untuk menyeragamkan tempoh milikan tanah di Kampung-kampung Baru Jinjang. Mengikut rekod Kerajaan, apakah sebenarnya bilangan keluarga yang mengalami masalah ini di Kampung Baru Jinjang, dan seterusnya, di seluruh Wilayah Persekutuan. Adakah Kerajaan sedar akan kerja segolongan orang dari parti politik tertentu yang mengakui diri mereka sebagai Wakil Kerajaan dan berhak untuk menecetak, mengeluarkan serta mengumpul permohonan-permohonan melanjutkan tempoh milikan tanah daripada penduduk-penduduk di Jinjang. Jika sedar, apakah pandangan Kerajaan terhadap kumpulan orang ini dan tindakan yang diambil ke atas mereka. Apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk memperbetulkan sangkaan orang ramai mengenai kesahan kerja kumpulan politikus ini. Jika tidak diambil sebarang tindakan sama ada ke atas kumpulan orang ini atau untuk memberitahu orang ramai mengenai keadaan sebenarnya, mengapa.

Drs Suleiman bin Mohamed: Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan adalah kawasan-kawasan yang telah diberi milik secara pajakan selama 30 tahun, yang kebanyakannya akan luput pada tahun 1989. Oleh yang demikian, tidaklah timbul soal penyeragaman tempoh pajakan tanah bagi kedua-dua kawasan kampung baru ini kerana tempoh pajakannya bolehlah dianggap telah seragam tempoh luputnya pada tahun

1989. Walau bagaimanapun, Kerajaan mempunyai dasar bagi menimbang semula untuk mendapatkan tanah berkenaan apabila luput tempoh pajakannya, tetapi hanyalah bagi tanah-tanah yang tempoh pajakannya luput dalam lingkungan dua tahun. Pada masa ini Kerajaan melalui Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan sedang menjalankan kajian secara menyeluruh bagi menimbang permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan di kedua-dua kampung ini, berdasarkan:

- (i) Kebanyakan tempoh pajakan tanah di kawasan ini luput dalam dua tahun akan datang, iaitu sesuai dari segi jangka masa yang dibenarkan; dan
- (ii) Permohonan yang diterima daripada pemilik-pemilik tanah sekarang.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai masalah daripada keluarga atau penduduk di kedua-dua kawasan kampung baru ini, ianya tidaklah timbul buat masa ini kerana dasar untuk melanjutkan tempoh pajakan di kedua-dua kawasan kampung baru ini belum lagi diputuskan oleh Kerajaan melalui Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan.

Pihak Kerajaan sedar tentang adanya segolongan orang-orang dari parti politik yang mengakui dirinya sebagai wakil Kerajaan dan seterusnya menjalankan kerja-kerja mengumpul dan mencetak bagi melanjutkan tempoh pajakan di Kampung Baru Jinjang. Kerajaan juga sedar mengenai adanya permohonan untuk mendapatkan semula tanah-tanah di kawasan Kampong Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan, dikemukakan ke Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan melalui wakil-wakil mereka tetapi kesemua permohonan yang berkenaan itu adalah dikemukakan oleh pemilik-pemilik tanah yang berkenaan dengan

menandatangani sendiri borang-borang permohonan tanah tersebut. Hanya cara mengemukakan borang permohonan berkenaan mungkin tidak dikemukakan terus oleh tuan tanah tetapi sebaliknya melalui wakil-wakil mereka seperti parti-parti politik tertentu. Dalam hubungan ini pihak Kerajaan tidaklah terikat untuk membuat keputusan-keputusan tertentu dengan mengambil kira cara permohonan tersebut dikemukakan. Apa yang mustahak bagi Kerajaan dan Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dalam konteks menimbang permohonan berkenaan itu ialah permohonan-permohonan tersebut hendaklah dikemukakan oleh pemilik-pemilik tanah sekarang.

Pihak Kerajaan tidaklah menganggap sebagai satu kesalahan mengenai mana-mana permohonan dari pemilik-pemilik tanah yang disalurkan ke Pejabat Tanah melalui wakil-wakil mereka. Yang penting bagi Kerajaan ialah untuk menyelesaikan permohonan daripada pemilik-pemilik tanah dan keputusannya disampaikan terus kepada pemohon-pemohon berkenaan.

PERBADANAN NIAGA FELDA

25. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjelaskan apakah Kementerianya sedar bahawa barangan yang disediakan oleh Perbadanan Niaga FELDA (PNF) kepada peneroka jauh lebih tinggi dari pasaran biasa. Kenapa soal ini boleh terjadi, sedangkan barangan itu dibeli secara borong dan setengahnya adalah keluaran PNF sendiri. Apakah matlamat asal penubuhan PNF. Apakah ianya bertujuan berniaga mencari keuntungan atau memberi khidmat sosial kepada peneroka-peneroka FELDA.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Perbadanan Niaga FELDA ditubuhkan sebagai sebahagian daripada pendekatan serba lengkap program pembangunan tanah dan penempatan peneroka. Peranan PNF dalam konteks ini ialah untuk memberi khidmat jualan barang-barang keperluan harian di rancangan-rancangan FELDA apabila sesebuah rancangan itu dibuka. PNF menyediakan peluang pekerjaan dan latihan berniaga kepada anak-anak dan tanggungan peneroka. Walaupun PNF merupakan sebuah badan perniagaan, ia juga memainkan peranan sosio-ekonomi masyarakat di rancangan-rancangan FELDA dengan menyediakan kemudahan kredit.

Adalah menjadi dasar Perbadanan Niaga FELDA (PNF) untuk membekalkan barang-barang makanan dan keperluan harian kepada peneroka dan menjulkannya dengan harga yang lebih rendah atau sekurang-kurangnya setanding dengan harga pasaran tempatan. PNF juga membekalkan barangan yang bermutu baik. Sebahagian besar daripada barang-barang yang dijual di Kedai PNF, seperti beras, gula, susu bayi adalah terdiri daripada barang yang harganya dikawal oleh Kerajaan. Oleh itu, harga jualannya adalah tetap.

Apa yang kadangkala berlaku ialah pekedai-pekedai tempatan, sebagai satu strategi jualan, akan sengaja merendahkan harga barangnya untuk menarik pelanggan. Dalam konteks ini, PNF tidak dapatlah hendak menurunkan harganya, semata-mata untuk tujuan pertandingan. Di samping itu perlu juga, diingatkan bahawa kebanyakan pembeli daripada kalangan peneroka, membeli barang di kedai PNF secara hutang. Oleh itu, aspek kewangan PNF juga perlu ditimbangkan.

Pada keseluruhannya harga di kedai-kedai PNF adalah lebih murah daripada kedai-kedai luar. Kajian yang dijalankan oleh Jabatan khidmat Pembangunan Masyarakat FELDA mendapati 55.5% daripada barang-barang yang dijual di kedai-kedai PNF adalah lebih murah berbanding dengan harga di kedai-kedai luar. Hanya 20.0% daripada barang-barang dijual dengan harga yang lebih tinggi sedikit, itu pun bukanlah terdiri barang-barang kawalan. Lokasi kedai-kedai PNF di rancangan-rancangan terencil melibatkan kos pengangkutan yang tinggi dan bilangan peneroka yang kecil di beberapa rancangan menyebabkan kedai-kedai PNF berkenaan menanggung kerugian.

SYARIKAT KERAJAAN YANG RUGI

26. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan memberi sebab-sebab mengapa syarikat-syarikat kewangan yang berikut telah mengalami kerugian kewangan yang begitu teruk dalam tahun 1985 serta nyatakan kerugian-kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat tersebut dalam tahun 1986.

<i>Syarikat Kerajaan</i>	<i>Kerugian Dalam Tahun 1985 (\$ juta)</i>
1. Malaysia Mining Corporation (MMC)	390
2. Malayawata Steel Bhd.	75
3. Sabah Gas Industries Sdn. Bhd.	66
4. Malaysia Shipyard and Engineering Sdn. Bhd.	49
5. Petronas Carigali Sdn. Bhd.	31
6. Petronas Gas Sdn. Bhd.	27
7. United Estate Projects Bhd.	29
8. Overseas Mineral Resources Development (Sabah) Bhd.	18

Kumpulan bagi Malaysia Mining Corporation (MMC), Malayawata Steel Bhd. (Malayawata), Malaysia Shipyards and Engineering Sdn. Bhd. (MSE) dan United Estate Projects Bhd. (UEP) bagi tahun 1985 adalah seperti berikut:

<i>Syarikat</i>	<i>Kerugian (\$)</i>
1. MMC	186 juta
2. Malayawata	37 juta
3. MSE	24 juta
4. UEP	18 juta

Jumlah kerugian bagi syarikat-syarikat selainnya adalah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kerugian kepada syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kesan daripada kemelesetan ekonomi yang telah menjiskan operasi dan prestasi mereka akibat daripada permintaan yang berkurangan seperti yang dihadapi oleh MSE.
- (ii) Harga pasaran yang rendah sama ada di pasaran tempatan ataupun di pasaran dunia. Misalnya, harga-harga pasaran dunia bagi "Hot Briquetted Iron" dan "Methanol" telah turun kepada paras yang terlalu rendah;
- (iii) Strategi dengan izin, "price dumping" yang diamalkan oleh syarikat-syarikat asing telah memberi persaingan yang hebat kepada aktiviti pembaikan kapal yang dijalankan oleh MSE;
- (iv) Masalah operasi dan teknikal di peringkat permulaan bagi syarikat yang baru mula beroperasi seperti Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. (SGI);
- (v) Kenaikan nilai matawang asing berbanding dengan ringgit telah menyebabkan masalah

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sebenar kerugian selepas cukai dan item-item luar biasa di peringkat pembayaran balik pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi daripada luar negeri. Akibatnya kedudukan kewangan syarikat-syarikat berkenaan terjejas.

- (vi) Item-item luar biasa juga mengakibatkan kerugian kepada syarikat-syarikat seperti MMC dan UEP. Misalnya, MMC telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan item-item luar biasa sebanyak \$63.4 juta pada tahun 1985 tetapi mengalami kerugian sebanyak \$185.7 juta selepas ditolak item-item tersebut.

Jumlah kerugian selepas cukai dan item-item luar biasa di peringkat Kumpulan bagi MMC, Malayawata, SGI, MSE, Petronas Carigali Sdn. Bhd., UEP dan Overseas Mineral Resources Development (Sabah) Bhd. bagi tahun 1986 adalah seperti berikut:

<i>Syarikat</i>	<i>Kerugian (\$)</i>
1. MMC	52 juta
2. Malayawata	30 juta
3. SGI	105 juta (akaun belum diaudit)
4. MSE	34 juta
5. Petronas Carigali Sdn. Bhd.	47 juta
6. UEP	26 juta
7. Overseas Mineral Resources Development (Sabah) Bhd.	18 juta

Hanya Petronas Gas Sdn. Bhd. sahaja yang telah mencatatkan keuntungan bagi tahun 1986, iaitu sebanyak \$4 juta.

PEGAWAI KERAJAAN MENYERTAI BIDANG POLITIK

27. Dr V. David minta Perdana Menteri memberitahu bilangan kakitangan-kakitangan berpangkat

tinggi di Kerajaan yang menyertai bidang politik, mahupun secara langsung atau tidak langsung dan juga memberi nama parti-parti politik di mana mereka menjadi ahli.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Pegawai-pegawai Kumpulan "A" adalah dilarang mengambil bahagian dalam politik baik secara langsung maupun secara tidak langsung. Setakat ini seramai 7 orang pegawai Kumpulan "A" telah dikenalpasti mengambil bahagian dalam politik dan mereka telah dikenakan tindakan tatatertib. Kesemua mereka ini menjadi ahli UMNO.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Pertama*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, dan B.12, (Jadual)—

Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.1 hingga B.12 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.36 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.1—Parlimen. Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 23 dalam buku Belanjawan Persekutuan. Saya hendak merujuk kepada Butiran 010000—Urusan Parlimen yang terkandung dalam muka surat 23. Saya hendak bercakap mengenai aspek Emolumen.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai perkara Emolumen di bawah tajuk Urusan Parlimen, saya suka menyentuh betapa pentingnya Parlimen sebagai sebuah institusi untuk mengisi perjuangan dan matlamat demokrasi berparlimen dan memenuhi kehendak dan keperluan rakyat. Selama 16 tahun kita telah memperjuangkan reformasi Parlimen bagi menjadikan Parlimen Malaysia lebih bermakna dan berkesan dalam memperjuangkan demokrasi berparlimen. Saya berpendapat bahawa Parlimen Malaysia hendaklah dapat menyaingi perubahan masa dan keperluan dan membuat reformasi, pembaharuan, seperti penubuhan Jawatankuasa Kepakaran Parlimen bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat memahirkkan dalam bidang-bidang Kerajaan yang berbeza atau memperkenalkan satu peraturan baru dalam prosedur dan amalan bagi memastikan bahawa Eksekutif dan para Menteri adalah lebih bertanggungjawab kepada Parlimen.

Dewan Rakyat hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen semua parti yang

diketuai oleh Yang di-Pertua sendiri untuk mengkaji reformasi Parlimen bagi menjadikan Parlimen lebih bermakna dan berkesan untuk memperjuangkan matlamat demokrasi berparlimen.

Kini terdapat banyak bidang yang mana Jawatankuasa Khas Parlimen Semua Parti patut mengkaji seperti yang berikut:

- (1) Misalannya, kalau ada Jawatankuasa seperti ini, Jawatankuasa ini boleh membincang mengenai betapa mustahak untuk memanjangkan masa Urusan Mesyuarat Parlimen. Bilangan Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat telah bertambah dari 104 Ahli ke 144 Ahli dalam tahun 1963; ke 154 Ahli dalam tahun 1974, dan sekarang terdapat 177 orang tetapi masa Urusan Mesyuarat Parlimen masih tidak dipanjangkan menurut keperluan bagi menampung pertambahan urusan Parlimen;
- (2) Jawatankuasa ini haruslah mengkaji bagaimana prinsip kawalan Parlimen ke atas eksekutif telah diketepikan selama 30 tahun lalu dan bagaimana menjadikan eksekutif lebih bertanggungjawab kepada Parlimen ini;
- (3) Adakah peranan Parlimen dalam mengawasi kegiatan-kegiatan risik dan pertahanan;
- (4) Bagaimana menjadikan masa soal jawab lebih berkesan untuk memperoleh maklumat-maklumat dan menyebabkan para Menteri dan anggota-anggota Kerajaan lebih bertanggungjawab kepada Parlimen;
- (5) Menubuhkan Jawatankuasa Kepakaran Parlimen; atau Specialist Committee, dengan izin, bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen mengkhhusus dan mengambil bahagian dalam pelbagai proses membuat keputusan mengenai dasar-dasar negara, seperti Jawatankuasa Pakar Mengenai Hal-hal Luar Negeri, mengenai kewangan, pertanian, pelajaran, pengangkutan dan lain-lain;
- (6) Untuk mengkaji penubuhan Jawatankuasa Perunding Pra Undang-undang ataupun, dengan izin, Pre Legislative Committee bagi memeriksa dan membetulkan sesuatu Rang Undang-undang sebelum dikemukakan kepada Parlimen dan Jawatankuasa seumpama ini hendaklah mengandungi ahli-ahli baik daripada Kerajaan mahupun Pembangkang;
- (7) Untuk mengkaji pembaharuan dan kemajuan dalam lain-lain Parlimen dan Undang-undang yang boleh dipakai di Malaysia.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang sama, iaitu mengenai Urusan Parlimen yang terkandung dalam muka surat 23 ini, saya juga ingin menyentuh Mesyuarat Dewan Rakyat dan Urusan Parlimen. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat adalah penting bagi mereka menghadiri Sidang Parlimen bagi menunaikan tugas mereka sebagai pembuat undang-undang ataupun sebagai legislator, dengan izin, dan juru cakap rakyat, terutamanya semasa Mesyuarat Belanjawan sedang berjalan. Inilah tugas tertinggi Ahli-ahli Parlimen dan mereka dalam apa juga cara sekalipun tidak boleh dihalang daripada menunaikan tugas kepada rakyat dan negara.

Kehadiran Mesyuarat Parlimen adalah penting bagi semua Ahli-ahli Parlimen tidak sahaja mencerminkan komitmen mereka kepada sistem demokrasi berparlimen, tetapi juga membolehkan mereka menyertai sepenuhnya Urusan Parlimen.

Belanjawan Persekutuan 1988 yang dibentangkan dalam Dewan untuk diperbincangkan dan adalah penting bagi semua Ahli Parlimen menyampaikan pandangannya sebelum ia diluluskan. Dalam hubungan ini, saya mesti mengutuk tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menghalang Ahli-ahli Dewan Rakyat daripada menjalankan tugas mereka terutamanya sewaktu Parlimen sedang bersidang bagi membincangkan peruntukan Belanjawan 1988 dan lain-lain Rang Undang-undang dalam Parlimen ini. Dalam hal ini tentulah saya hendak merujuk kepada penahanan 10 orang Ahli Parlimen DAP dan lain-lain ahli Kerajaan, termasuk Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, itu tidak berkaitan dengan Kepala Bekalan yang kita bincangkan sekarang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, apa yang saya bincang ialah mengenai Urusan Parlimen dan apa yang saya sebutkan tadi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau tidak ada kaitan . . . Itu hal ehwal dalam negeri bukan? Sekarang kita sedang membincang Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Lee Lam Thye: Ya, saya faham. Tetapi apa yang saya menyentuh di sini ialah berkenaan dengan tugas yang hendak dijalankan oleh mereka.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak berkaitan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya berpendapat bahawa ini adalah berkaitan sebab

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada kaitan, Yang Berhormat. Jangan sentuh perkara itu, teruskan dengan point yang lain.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk menyentuh ini sebagai satu contoh bahawa apabila Parlimen bersidang, maka Ahli-ahli Yang Berhormat itu hendaklah menghadiri Mesyuarat Parlimen, ini berkaitan dengan Urusan Parlimen yang hendak dijalankan oleh mereka dan apa yang saya punya penjelasan itu adalah hakikat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kita tidak boleh bincang sekarang, Yang Berhormat. Sekarang kita membincangkan Jabatan Perdana Menteri tentang polisi dan tugasnya.

Tuan Lee Lam Thye: Itu adalah juga berkenaan dengan Urusan Parlimen. Saya tidak hendak berucap panjang mengenai aspek ini, tetapi saya hendak menyentuh ini sebagai satu contoh.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Panjang atau pendek tidak relevant, Yang Berhormat. Tidak berkaitan. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Saya berpendapat bahawa penahanan Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila Parlimen bersidang

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak hendak debate ini, Yang Berhormat. Saya telah membuat keputusan. Sila patuhi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya terpaksa menegaskan di sini bahawa penahanan mereka merupakan satu pukulan hebat bagi demokrasi berparlimen yang mana Dewan ini patut mewakili, melindungi dan mempertahankannya. Itulah apa yang saya hendak menyentuh mengenai aspek ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan dengan yang lain-lain.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya sekarang ingin merujuk kepada Maksud Bekalan, B.12 yang terkandung dalam muka surat 45, iaitu mengenai Jabatan Perpaduan Negara. Saya mendapati bahawa terdapat peruntukan berjumlah \$16.6 juta bagi tahun 1988 untuk Jabatan Perpaduan Negara.

Apabila saya membahaskan peruntukan yang hendak diminta oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk tujuan dan maksud yang terkandung dalam Buku Belanjawan Persekutuan 1988, saya suka menggunakan kesempatan ini untuk membincangkan beberapa isu yang penting yang ada berkaitan dengan Perpaduan Negara, yang ada berkait rapat dengan apa yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini, iaitu mengenai masalah polarisasi kaum dan integrasi nasional.

Bagi kami, itu adalah anih meskipun kita mempunyai sebuah Jabatan Perpaduan negara nampaknya semakin jauh. Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan selama 30 tahun. Rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup masih merasa amat bimbang dengan satu-satunya masalah terbesar yang dihadapi oleh negara ini yang akan memberi kesan tidak sahaja ke atas pemulihan ekonomi kita, tetapi juga pengekalan keyakinan negara dan antarabangsa dalam sistem dan Kerajaan negara kita, iaitu masalah mengenai polarisasi kaum yang semakin serius.

Rakyat Malaysia mestilah mengambil perhatian berat tentang masalah polarisasi kaum yang mana kita patut menerima hakikat ini, bahawa semua rakyat Malaysia mesti hidup bersama secara aman dan harmoni. Tidak ada jalan lain untuk tinggal dalam negara ini selain daripada kita perlu hidup menghadapi bersama secara aman dan harmoni. Adalah menjadi pandangan saya bahawa Jabatan Perpaduan Negara belum dapat memainkan peranan berkesan dalam mengawal polarisasi kaum. Untuk mengatasi masalah ini, ia memerlukan lebih daripada program perhubungan masyarakat. Kerajaan mestilah mempunyai satu persepsi yang betul mengenai punca-punca polarisasi kaum dan bersedia pula mengambil langkah-langkah berkesan dan tegas bagi mengatasi masalah ini.

Di antara langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi polarisasi kaum dan memperbaiki perhubungan kaum ialah:

- (i) menerima cadangan penubuhan sebuah Majlis Perundingan Kebangsaan mengenai perhubungan kaum yang bermatlamatkan:
 - (a) mencadangkan penyelesaian-penyelesaian mengenai pertikaian kaum dari masa ke semasa;
 - (b) merumus langkah-langkah jangka panjang untuk mencegah kontroversi-kontroversi berkaitan bahasa, kebudayaan dan agama;
 - (c) merangka tindakan-tindakan konkrit untuk membasmi salah anggapan dan prasangka perkauman di kalangan penduduk;
 - (d) mencadang reformasi dalam pelbagai bidang kehidupan

awam yang memberi kesan langsung atau tidak langsung ke atas perhubungan kaum;

- (e) mewujudkan satu falsafah dan pendekatan kepada integrasi dan perpaduan kaum yang boleh diterima oleh semua masyarakat.

Di sini saya merasa amat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri apabila beliau menggulung perbahasan dulu semalam, beliau ada menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu Majlis Perundingan Kebangsaan mengenai perhubungan kaum.

Saya berpendapat di sini bahawa objektif cadangan Majlis Perundingan Kebangsaan mengenai perhubungan kaum patutlah digalakkan, diberi sokongan oleh semua parti-parti politik termasuk Kerajaan, oleh semua pertubuhan dan semua rakyat Malaysia yang memberi perhatian berat mengenai kemerosotan perhubungan kaum dalam negara kita. Daya hidup negara kita bergantung ke atas kebolehan kita memperbaiki perhubungan antara masyarakat yang berbeza, yang telah menjadikan negara Malaysia sebagai tempat tinggal mereka yang kekal.

Perkara yang kedua yang harus ditimbang oleh pihak Kerajaan dalam mengatasi masalah polarisasi kaum itu ialah bahawa Kerajaan hendaklah menyusun semula Panel Penasihat Perpaduan Negara bagi memastikan perwakilan yang lebih luas yang dapat membantu dalam memperbaiki dan meningkatkan perhubungan kaum dan menggalakkan perpaduan. Panel ini perlu disusun semula dan diperbesarkan untuk meliputi wakil-wakil dari pelbagai pertubuhan sivik dan agama serta dari pelbagai lapisan

masyarakat yang mampu memberi sumbangan positif bagi mengatasi polarisasi kaum.

Yang ketiga, langkah-langkah hendaklah diambil untuk menubuhkan sebuah institut penyelidikan perhubungan kaum yang bebas dan berotonomi yang mempunyai tanggungjawab tunggal bagi mencegah masalah polarisasi kaum. Institut ini hendaklah menumpukan perhatian mengenai isu-isu dan dasar yang memburukkan lagi masalah itu. Ia boleh juga membuat kajian yang mendalam tentang sebab-sebab berlakunya polarisasi kaum dan mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi atau mengurangkan masalah itu.

Atas tajuk yang sama iaitu mengenai tugas yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara, saya juga berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah mengkaji semula perpaduan negara dari segi konsepnya dengan satu pandangan ke arah merumus satu pendekatan baru dan komprehensif bagi mempereratkan perpaduan di kalangan rakyat. Keperluan mewujudkan satu konsep perpaduan negara yang baru dan komprehensif adalah amat penting dalam menghadapi perkembangan politik terbaru di negara ini. Satu konsep perpaduan negara yang baru hendaklah dirangka kerana usaha-usaha yang dibuat selama ini oleh Jabatan Perpaduan Negara bagi mewujudkan perpaduan negara tidak mencapai hasil yang diingini.

Saya rasa bahawa masanya telah tiba bagi Jabatan Perpaduan Negara mengadakan satu simposium kebangsaan yang mana ahli-ahli politik, para pemimpin agama dan masyarakat, wakil-wakil kumpulan pendesak awam, para intelek dan orang ramai boleh mengemukakan pandangan masing-masing mengenai hal ini.

Pada saat ini dalam sejarah negara kita tidak ada yang lebih penting daripada mencari jalan-jalan yang berkesan untuk mempertingkatkan hubungan kaum bagi mencapai perpaduan. Dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia, perpaduan negara ialah alat terpenting dalam mencapai pembangunan dan kestabilan. Parti DAP bersedia memberikan pandangannya mengenai perpaduan negara dalam mana-mana simposium kebangsaan oleh kerana kami adalah committed terhadap sebuah negara yang bersatupadu.

Jika Kerajaan benar-benar ikhlas untuk mengatasi masalah polarisasi kaum ia mestilah bersedia mendengar kritikan membina dan pandangan semua lapisan masyarakat termasuk parti Pembangkang.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan.

Tuan Lee Lam Thye: Boleh.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, saya merasa bangga mendengarkan ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang berkenaan dengan perpaduan. Saya rasa sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang ini harus diteladani oleh rakan-rakannya daripada DAP. Tetapi soalnya, punca polarisasi kaum yang berlaku di negara kita ini kalau kita lihat, kalau kita kaji ianya berpunca daripada sistem pendidikan yang ada hari ini. Sebagai contoh, hari ini kita mempunyai beberapa jenis Sekolah Rendah, iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, kita mempunyai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan India dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Dari kecil lagi anak-anak kita telah

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta penjelasan sahaja!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Ini ada kaitan dengan penjelasan yang saya hendak buat sedikit.

Tuan Lee Lam Thye: Ringkaskan sedikit.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apa penjelasan?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Iaitu maksud saya, apalah salahnya dan kalau boleh sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya supaya sistem sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan India ini dihapuskan dan diwujudkan hanya dengan satu sistem iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan sahaja tetapi untuk memberi peluang kepada

Tuan Lee Lam Thye: Yang Berhormat Tuan Pengerusi

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya belum habis, sedikit lagi, untuk memberi peluang kepada

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa itu tidak boleh, Yang Berhormat. Jangan sentuh perkara itu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tidak. Ini ada kaitan dengan perpaduan.

Tuan Lee Lam Thye: Itu satu hasutan, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya tidak bermaksud untuk

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sila teruskan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya memang tidak bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi dan saya ingin merakamkan di sini

bahawa saya menentang sekeras-kerasnya apa yang disalurkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin beralih kepada Maksud Bekalan B.7, Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 32. Saya hendak menggunakan kesempatan ini untuk menyentuh sedikit mengenai masalah keselamatan negara, Butiran 040200 mengenai Pasukan Petugas Anti Dadah. Saya hendak menyebut perkara ini oleh kerana saya tidak mahu parti DAP sentiasa dikecam bahawa parti DAP itu tidak mengambil minat langsung dalam perkara anti dadah dalam negara kita.

Bercakap saya atas tajuk ini mengenai tugas Pasukan Petugas Anti Dadah. Yang pertama, saya tentulah hendak mengucapkan tahniah kepada Pasukan Petugas Anti Dadah yang selama ini telah dapat menjalankan program dengan cara yang baik, yang betul untuk menghadapi satu masalah yang besar, satu ancaman yang besar yang dialami oleh negara kita.

Atas perkara ini juga saya berpendapat bahawa selama ini tindakan anti dadah di Malaysia adalah berpandukan kepada objektif-objektif yang telah dirumuskan di antara bangsa seperti berikut:

- (i) pengurangan bekalan ataupun, dengan izin, supply deduction; dan
- (ii) pengurangan permintaan ataupun, dengan izin, demand deduction.

Dalam usaha mencapai matlamat-matlamat tersebut, strategi berikut telah diamalkan:

- (i) peruntukan dan penguatkuasaan;
- (ii) kedua, rawatan dan pemulihan;
- (iii) pendidikan, pencegahan dan penerangan;

- (iv) penyelidikan; dan
- (v) kerjasama antarabangsa.

Namun demikian strategi utama kebangsaan pada masa 13 tahun kebelakangan ini telah banyak tertumpu kepada usaha-usaha memperkuatkan dan menyokong tindakan-tindakan penguatkuasaan, seperti langkah peggubalan dan pindaan undang-undang.

Pendekatan ini adalah wajar semasa sesuatu negara mula menghadapi masalah dadah. Tetapi oleh kerana dasar atau strategi kebangsaan kita tidak dapat mempengaruhi pengeluaran candu di Tiga Segi Emas ataupun, dengan izin, Golden Triangle, jadi kekesanan usaha-usaha penguatkuasaan dalaman bersih adalah terbatas. Masalah ini bergantung juga kepada usaha-usaha yang gigih dan menyeluruh di peringkat antarabangsa. Sekiranya kita menumpukan perhatian dalam usaha-usaha kita kepada aktiviti-aktiviti penguatkuasaan sahaja, ini bermakna negara kita akan terpaksa menanggung perbelanjaan dan tenaga manusia yang banyak tanpa mengurangkan masalah. Memandangkan kepada keadaan di mana dadah masih terus dibawa masuk dan sedang diperolehi di dalam negara yang mengakibatkan keadaan penagihan terus meningkat. Satu perumusan semula ataupun, dengan izin, reformulation, strategi negara perlu diadakan.

Untuk menyediakan satu rangka strategi yang komprehensif yang dapat dilaksanakan secara bersepadu oleh agensi-agensi yang terlibat hendaklah ditujukan kepada dua perkara penting seperti berikut:

1. Membuat pindaan kepada pendekatan konsep;
2. Mengatur semula keutamaan.

Oleh yang demikian pindaan kepada pendekatan mengikut keutamaan adalah seperti berikut:

1. Pencegahan iaitu pencegahan awalan, pencegahan kemasukan dadah dan perundangan.
2. Mengenai masalah berkenaan dengan pemulihan.
3. Mengenai kemajuan tenaga manusia dan penilaian.
4. Kerjasama antarabangsa.
5. Penyelarasan.

Pencegahan dan pemulihan merupakan dua strategi utama manakala kemajuan tenaga manusia dan penilaian kerjasama antarabangsa dan penyelarasan merupakan strategi-strategi sokongan.

Memandangkan bahawa masalah pengeluaran dan pendedaran dadah mempunyai dimensi antarabangsa adalah perlu dirumuskan satu dasar dan strategi negara berhubung dengan perkara ini.

Strategi dalam negeri tidak mungkin berjaya tanpa disokong oleh strategi negara yang berkesan mengenai dadah di peringkat antarabangsa. Masyarakat antarabangsa hendaklah digerakkan supaya bersungguh-sungguh dalam usaha mencegah dan mengawal penagihan dan pendedaran dadah di peringkat sumbernya.

Di antara objektif-objektif utama yang hendak ditekankan ialah supaya masalah penagihan dan pendedaran dadah dianggap oleh masyarakat antarabangsa sebagai satu ancaman kepada kestabilan dan keselamatan negara. Dengan itu masyarakat dunia hendaklah bekerjasama dengan bersungguh-sungguh dalam usaha menghapuskan pengeluaran dadah di seluruh dunia.

Masyarakat antarabangsa juga hendaklah digerakkan supaya mengambil tindakan yang segera

untuk menyelamatkan generasi muda dari terperangkap dengan kegiatan dadah.

Masyarakat antarabangsa perlu juga disedarkan tentang pentingnya memberi rawatan dan pemulihan berwajib compulsory treatment dan rehabilitation, dengan izin, kepada penagih-penagih dadah seperti yang diperuntukkan di negara ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maka berkenaan dengan tugas Pasukan Petugas Anti Dadah ini di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya harap bahawa pandangan-pandangan yang disalurkan oleh saya itu tadi akan diberi pandangan yang serius dan saya juga menyentuh sedikit mengenai rancangan bertindak lima tahun anti dadah negara ini. Saya berpendapat bahawa rancangan bertindak lima tahun anti dadah negara ini hendaklah berasaskan kepada dasar strategi dan keutamaan yang boleh menentukan pengurangan masalah pendedaran dan penagihan dadah dalam jangka masa lima tahun.

Rancangan bertindak lima tahun anti dadah negara ini memerlukan pelaksanaan yang bersepadu dengan penglibatan pelbagai agensi dan Pertubuhan, dengan demikian usaha-usaha penyelarasan akan dipertingkatkan di semua peringkat pelaksanaan rancangan ini. Ini adalah perlu supaya semua program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dapat dijalankan dengan teratur dan mencapai objektif masing-masing di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin beralih kepada Maksud Bekalan P.7 yang terkandung dalam muka surat 35 dalam buku Belanjawan Persekutuan Anggaran Perbelanjaan.

Dan saya ingin bercakap mengenai Butiran 03500, Perumahan Awam Wilayah Persekutuan di bawah Ibu

Pejabat Wilayah Persekutuan di mana saya memperhatikan bahawa sejumlah \$4.5 juta telah dipinta sebagai pinjaman untuk membolehkan pihak Dewan Bandaraya untuk membina lebih banyak rumah kos rendah.

Perumahan kos rendah untuk disewa merupakan satu masalah sosial yang sangat serius dalam Kuala Lumpur, memandangkan bahawa Dewan Bandaraya tidak mempunyai lagi unit-unit rumah pangsa kos rendah yang kosong untuk disewa. Masalah ini amat teruk kerana Dewan Bandaraya memberikan jawapan-jawapan yang standard kepada semua pemohon rumah pangsa sewa dengan memberitahu mereka bahawa rumah pangsa kosong tidak ada lagi dan mereka diberitahu bahawa hanya rumah pangsa atau rumah kos rendah untuk dijual sahaja yang ada.

Pada bulan Mac tahun ini saya mendapati satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di mana beliau ada memberitahu bahawa seramai 51,503 orang pemohon yang memohon untuk menyewa rumah pangsa kos rendah dan bilangan ini semakin bertambah setiap hari. Rumah-rumah pangsa kos rendah semakin dikehendaki dalam Kuala Lumpur tetapi pihak berkuasa berkenaan tidak berupaya memenuhi permintaan ini kerana tidak ada lagi kekosongan dan mungkin ini disebabkan kekurangan peruntukan untuk membolehkan pihak berkuasa yang berkenaan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah. Adalah tidak munasabah meminta pemohon membeli rumah apabila mereka tidak mampu berbuat demikian.

Seperkara lagi adalah sangat sukar untuk memohon pinjaman perumahan kerana dalam kebanyakan kes mereka yang tidak mempunyai rumah bukan sahaja tidak mampu membelinya tetapi juga tidak layak mendapatkan pinjaman membeli rumah. Hal ini telah menjadi satu masalah yang serius

dalam Kuala Lumpur dan saya menggesa Kerajaan supaya mencari jalan-jalan positif untuk menyelesaikan masalah ini dan dengan peruntukan yang dipinta ini iaitu \$6.5 juta sebagai pinjaman, saya berharap bahawa lebih banyak rumah kos rendah akan dibina dan pembinaan kos rendah haruslah ditumpukan kepada rumah kos rendah untuk disewa memandangkan bahawa kebanyakan orang ramai tidak mampu membelinya.

Saya suka membuat cadangan berikut untuk pertimbangan pihak berkenaan, yang pertama, Dewan Bandaraya hendaklah meninggikan lagi kuota unit rumah pangsa untuk disewa bagi menyelesaikan keperluan perumahan yang teruk sekarang. Mereka yang tidak mampu membeli rumah pangsa atau rumah-rumah kos rendah kuota sekarang hanya lebih kurang 20% dan ia patut dinaikkan menjadi sekurang-kurangnya 40%.

Kedua, Dewan Bandaraya hendaklah menukarkan mana-mana unit rumah kos rendah yang tidak boleh dijual bagi disewakan. Ini akan membantu meringankan masalah kekurangan rumah-rumah untuk disewa yang semakin bertambah permintaannya.

Ketiga, Dewan Bandaraya hendaklah menimbang untuk membeli mana-mana unit rumah pangsa atau rumah kos rendah dari pemaju perumahan dan menyewakan semula kepada mereka yang tidak mampu membelinya. Masalah ini amat teruk yang menghendaki tindakan segera untuk menyelesaikannya.

Tuan Pengerusi, dengan izin, sekarang saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.8. Terkandung dalam muka surat 38 di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dan saya ingin membincangkan perkara mengenai perkhidmatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bercakap saya atas perkara perkhidmatan, saya mengetahui dan itu ialah satu masalah yang begitu besar dialami oleh negara kita pada hari ini iaitu mengenai isu pengangguran yang sentiasa dipaparkan di media massa dan menjadi bahan cakapan di mana-mana tempat termasuk Dewan yang mulia ini. Di pihak Kerajaan berbagai-bagai langkah telah dan sedang diambil untuk mengurangkan beban Kerajaan dalam kos pengurusan antaranya membekukan pengwujudan jawatan baru, membekukan pengisian jawatan-jawatan yang sedia wujud, tetapi belum sempat diisi, menghadkan tuntutan perjalanan lebih masa, memotong elaun keraian, menjimatkan penggunaan api, air dan telefon.

Namun di sebalik usaha-usaha ini yang agak anih, Tuan Pengerusi, masih terdapat Jabatan, Kementerian yang mengambil semula pesara-pesara. Soalnya perlukah pesara diambil bertugas secara kontrak di jawatan yang sama. Saya rasa usaha ini defeat the purpose, dengan izin, ataupun yang tidak begitu teratur dengan betul. Malahan pegawai berkenaan mendapat dua sumber pendapatan iaitu dari wang pencennya iaitu setengah gaji terakhir dan gaji, elaun serta kemudahan-kemudahan dari jawatan yang dipegangnya.

Dilihat dari satu segi bila berlaku persaraan, satu kekosongan jawatan akan wujud yang lazimnya diisi secara kenaikan pangkat. Seterusnya down the line, dengan izin, akan mewujudkan kekosongan jawatan dan memberi peluang kepada orang baru diambil berkhidmat kerana pada hakikatnya tidak wujud tambahan jawatan, hanya kekosongan dari jawatan yang sedia ada yang hendak diisikan.

Tetapi bila pesara diambil bertugas semula di jawatan yang sama dipegangnya sebelum bersara secara

otomatis akan menutup peluang sedemikian. Sebagai misalannya, kita ambil seorang pegawai Tingkatan Tertinggi "F" yang diambil bertugas semula, gaji yang diterima \$2,920, elaun rumah \$450, elaun keraian \$495 di samping pencen yang tetap yang berjumlah \$1,520. Ini belum termasuk kemudahan telefon di pejabat dan di rumah. Perkara ini berlaku bukan sahaja di peringkat pegawai rendah malahan di peringkat Ketua Setiausaha, Duta, Persurujaya Tinggi dan lain-lain. Pesara bukanlah tidak boleh diambil berkhidmat semula tetapi tidak di jawatan yang sama lebih-lagi di jawatan kenaikan pangkat. Berilah peluang mereka yang belum makan gaji menikmati titik peluh mengejar segolongan ijazah dari memberi nikmat berganda kepada yang telah sedia senang dan mewah.

Bercakap di atas tajuk yang sama dan pada akhirnya, saya ingin mengambil peluang ini menggesa Kerajaan supaya menimbang bagi membenarkan kakitangan-kakitangan awam memilih persaraan awal pada umur 45 tahun. Negara kita sedang menghadapi kadar pengangguran yang serius. Kita juga menghadapi kadar pengangguran yang tinggi di kalangan para graduan yang mana lebih kurang 50,000 orang dijangka keluar bekerja, manakala beribu-ribu bekas pelajar-pelajar sekolah menengah juga menghadapi dilemma yang sama. Oleh itu, persaraan awal kakitangan-kakitangan awam sekiranya dapat dilaksanakan juga akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Ramai kakitangan Kerajaan merasa keciwa dan mereka mendapati tidak ada prospect ataupun peluang dalam sektor awam lagi dan ingin bersara lebih awal bagi menceburi sektor swasta atau ingin bekerja sendiri, lebih-lagi pendapatan yang diterima oleh kakitangan awam pada masa sekarang terutamanya mereka yang dalam kumpulan "C" dan "D" adalah menyedihkan berbanding

dengan kenaikan yang deras kos sara hidup sejak semakan terakhir pada lebih kurang 7 tahun yang lalu. Tambahan pula nilai ringgit telah menurun dan dengan ini mengurangkan kuasa membeli. Jika Kerajaan tidak mampu untuk memberikan syarat pekerjaan yang lebih baik, yang lebih menggalakkan kepada kakitangan-kakitangan yang terlibat maka adalah baik jika membenarkan mereka bersara lebih awal dan mengambil pula beribu-ribu penganggur. Saya mencadangkan supaya Kerajaan merendahkan umur persaraan pilihan ataupun, dengan izin, optional retirement ke 45 tahun iaitu serupa dengan anggota polis dan anggota tentera atau perkhidmatan yang mencapai 25 tahun yang mana satu lebih dahulu menerusi sagu hati yang kecil yang diterima apabila mereka dibenarkan bersara awal pada umur 45 tahun mereka boleh menceburkan diri dalam perniagaan kecil ataupun menjalankan lain-lain aktiviti yang memberi sumbangan kepada daya pengeluaran negara kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.15 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Kepala B.7—Jabatan Perdana Menteri, Butiran 150000—Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Muka surat berapa itu, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Muka surat 34. Peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1987.

ialah sebanyak \$10 juta, manakala peruntukan bagi tahun 1988 ini dikurangkan sebanyak \$1 juta, menjadikan jumlahnya menurun sebanyak \$9 juta.

Sebelum saya membuat apa-apa ulasan mengenai perkara ini, cubalah kita sama-sama meninjau tentang tujuan bagi program Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini. Tujuan yang pertama, ialah untuk membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan Fardhu haji atau lain-lain perbelanjaan yang berfaedah. Yang kedua iaitu untuk membolehkan orang-orang Islam melalui wang simpanan mereka mengambil bahagian dengan lebih berkesan di bidang penanaman modal dalam lapangan perusahaan, perdagangan, perladangan serta tanah dan bangunan melalui cara yang halal di sisi agama Islam. Tujuan yang ketiga—yang ini lebih mustahak dan lebih penting—ialah untuk memberi perlindungan, pengawalan dan kebajikan kepada orang-orang Islam menunaikan Fardhu Haji dengan mengadakan berbagai kemudahan dan perkhidmatan.

Sepertimana kita sedia maklum bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah ditubuhkan di bawah Undang-undang No. 8 Tahun 1969 dan ianya terbahagi kepada tiga aktiviti-aktiviti berikut:

- (a) Jabatan Haji;
- (b) Jabatan Kewangan dan Pelaburan; dan
- (c) Jabatan Pentadbiran dan Perhubungan.

Aktiviti Jabatan Haji adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan sementara perbelanjaan aktiviti Jabatan Kewangan dan Pelaburan dan aktiviti Jabatan Pentadbiran dan Perhubungan adalah ditanggung sendiri oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji daripada keuntungan

pelaburannya. Sepertimana yang telah disebutkan dalam buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi ini, aktiviti Haji adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. Saya rasa maklumat ini adalah tidak tepat, kerana aktiviti Haji telah tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan kerana kita lihat peruntukan yang telah ditetapkan pada tahun sebelumnya ialah \$10 juta telah dikurangkan kepada \$9 juta sedangkan keperluan-keperluan Tabung Haji adalah melebihi daripada angka yang tersebut itu.

Saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Tabung Haji terutamanya berkat Pengurus Besarnya yang berkelulusan agama yang telah mampu dan berjaya memimpin Tabung Haji kepada mercu kejayaan, malah kejayaannya telah dirakamkan oleh negara luar yang telah memberi penganugerahan kepada Pengurus Besar Tabung Haji.

Tuan Pengerusi, kita lihat beberapa Perbadanan-perbadanan lain telah menghantar laporan-laporannya ke Dewan ini untuk tahun 1980, 1982 tetapi bagi Tabung Haji telah menghantarkan laporannya tahun 1986 sudah ada di atas meja di Dewan ini. Ini adalah satu kejayaan yang paling besar yang telah ditunjukkan oleh Tabung Haji. Adakah kejayaan yang ditunjukkan oleh Tabung Haji ini, maka kejayaannya itu kita akan kurangkan bantuan Kerajaan kepada Tabung Haji? Apakah maknanya bahawa kita akan memberi peruntukan kemudahan kewangan kepada badan-badan yang rugi, kepada KPD umpamanya. Maka, ini adalah satu perkara yang perlu ditinjau, perlu diperhatikan dengan sehalus-halusnya.

Perkhidmatan Haji adalah satu perkhidmatan yang telah dilakukan sejak zaman berzaman dahulu lagi, semenjak merdeka lagi, semenjak

sebelum ada dan wujudnya Tabung Haji, malah Perkhidmatan Haji sebelum kita merdeka, semasa kita di dalam pemerintahan British pun, pihak Kerajaan British telah pun mengadakan peruntukan-peruntukan khas untuk orang mengerjakan haji. Apatah halnya kepada zaman yang kita telah merdeka ini, maka kita mahu mengurangkannya dari setahun ke setahun peruntukan yang telah diberi kepada Tabung Haji itu. Kita lihat sahaja orang-orang yang telah pergi mengerjakan haji ini hampir 25,000 orang dan orang-orang ini ialah rakyat Malaysia. Sekiranya mereka berada di Malaysia, mereka juga memerlukan kepada peruntukan-peruntukan tertentu, umpamanya kalau mereka tidak pergi ke Mekah menunaikan haji, mereka duduk di kampung atau duduk di bandar, mereka memerlukan kepada rawatan sekiranya mereka sakit. Bukan orang pergi Mekah itu sahaja yang sakit, duduk di kampung pun sakit, duduk di bandar pun sakit. Apabila sakit memerlukan kepada rawatan, memerlukan kepada ubat, memerlukan kepada doktor. Jadi, mengapa kita tidak patut memberi peruntukan yang sepatutnya kepada rombongan perubatan Malaysia yang berada di Tanah Suci. Angka yang ada di hadapan saya, iaitu rombongan perubatan dan kelengkapannya tiap-tiap kali pergi mengerjakan haji memerlukan hampir-hampir \$2 juta. Jadi, ini adalah keperluan-keperluan yang mesti diberi kerana ini adalah satu keperluan yang asasi, yang perlu diberi kepada rakyat jelata kita walaupun di mana ia berada.

Kita mengambil contoh. Sekiranya ada pelajar-pelajar kita ataupun ada pegawai-pegawai kita yang bertugas di luar negeri, kita mengadakan peruntukan untuk mereka, untuk rawatan dan sebagainya. Begitu jugalah kepada orang-orang yang telah mengerjakan haji, kita telah mengadakan peruntukan-peruntukan

ini dan alhamdulillah, Kerajaan pun telah beri peruntukan-peruntukan tersebut, tetapi apa yang saya sebut di sini, peruntukan-peruntukan itu tidak mencukupi. Apa yang lebih sedih lagi, peruntukan-peruntukan itu telah diturunkan, disurutkan dari setahun ke setahun. Saya bimbang satu hari nanti peruntukan yang telah diberi kepada Tabung Haji itu dikurangkan dan seterusnya tidak ada langsung.

Saya rasa sebab-musabab Kerajaan mengurangkan peruntukan ini ialah kerana melihatkan Tabung Haji itu mendapat keuntungan banyak, maka katanya Tabung Haji boleh menggunakan wang keuntungan pelaburannya untuk menampung perkhidmatan mengerjakan haji. Ini adalah satu perkara yang tidak tepat atau izinkan saya katakan bahawa ianya tidak adil, kerana Tabung Haji bukan sahaja menumpukan kegiatannya kepada orang-orang yang mengerjakan haji, orang-orang yang menyimpan wang, orang-orang yang melabur di dalam Tabung Haji ada dua kumpulan; satu kumpulan ialah orang-orang yang pergi mengerjakan haji dan satu kumpulan lagi ialah orang yang melabur di dalam Tabung Haji untuk pelajaran, pendidikan dan menaikkan taraf ekonomi dirinya sendiri. Jadi, sekiranya keuntungan-keuntungan itu diberi kepada Perkhidmatan Tabung Haji untuk mengerjakan haji di Mekah, maka keuntungan yang sepatutnya diberi kepada pelabur-pelabur itu akan berkurangan. Apabila keuntungan-keuntungan ini berkurangan atau dividen itu berkurangan, maka akan kuranglah orang-orang yang akan menyertai pelaburan di dalam Tabung Haji dan ini sesungguhnya merugikan bagi umat Islam dan ianya merugikan kepada bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang patut kita lihat iaitu Tabung Haji ada mengeluarkan zakat yang diberi kepada Jabatan-jabatan Agama

Negeri-negeri. Ini adalah satu perkara yang perlu kita mengambil perhatian dan memberi penghargaan dan membuat pertimbangan-pertimbangan tertentu semasa kita membuat keputusan-keputusan menambah atau mengurangkan peruntukan-peruntukan itu.

Satu lagi perkara yang saya merasa sedih dan saya rakamkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa mulai tahun 1987 pihak Perbendaharaan telah mengenakan kepada Tabung Haji cukai keuntungan pelaburannya sebanyak 40% sedangkan sebelumnya tidak dikenakan cukai. Ini adalah satu perkara yang sangat menyedihkan kerana aktiviti-aktiviti kewangan pelaburan yang telah dilakukan oleh Tabung Haji bukanlah sama dengan aktiviti-aktiviti pelaburan yang dilakukan oleh lain-lain agensi atau lain-lain syarikat. Ianya integrasi di dalam berbagai-bagai bidang; bidang kebajikan, ibadat dan perniagaan. Dengan ini, saya merayu dengan setinggi-tingginya, dengan sebesar-besar harapan mudah-mudahan pihak Kementerian tertentu dapat menimbang semula dan menarik keputusannya mengenai cukai 40% kepada Tabung Haji.

Tuan Pengerusi, mengenai Tabung Haji ini saya merayu kepada Kementerian dan Perbendaharaan dapatlah apalah kiranya peruntukan bagi Tabung Haji ini ditambahkan, kalau tidak boleh tahun ini, pada tahun-tahun akan datang menjadikan sekurang-kurangnya \$12 juta untuk menampung keperluan-keperluan yang saya sebutkan tadi itu. Ini adalah satu perkara yang sangat mustahak dan dipandang berat oleh kita semua.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada muka surat 34, Butiran 050000 Bahagian Hal Ehwal Agama Islam. Tuan Pengerusi, izinkan saya merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam yang telah berjaya melakukan

beberapa perkara dan banyak perkara bagi kemajuan Hal Ehwal Agama Islam, terutamanya dalam penyelarasan mengenai dakwah dan penyelarasan mengenai hukum-hukum syarak.

Tuan Pengerusi, di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam ini terdapat Pegawai-pegawai Dakwah dan saya lihat ada sedikit masalah-masalah bagi Pegawai-pegawai Dakwah bukan sahaja di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, malahan di tempat dan jabatan-jabatan yang lain juga yang ada hubungan dengan dakwah Islamiyah ini ada masalahnya iaitu pegawai-pegawai yang bertugas sebagai pendakwah selalunya terpaksa atau kadangkala terpaksa dan dipaksa untuk menjalankan tugas pada hari Ahad, pada hari cuti. Kerana pada hari itulah sahaja pihak-pihak akan beberapa pihak yang boleh mengadakan perjumpaan-perjumpaan umum bagi tujuan dakwah dan sebagainya.

Jadi, ertinya Pegawai-pegawai Dakwah terpaksa bekerja selama 7 hari sedangkan pegawai-pegawai lain hanya bekerja 6 hari sahaja dan ini kadangkala menimbulkan masalah kepada beberapa organisasi-organisasi yang memerlukan kepada pendakwah-pendakwah kerana apabila berkehendakkan pegawai dan pendakwah pada hari Ahad, maka setengah-setengah pendakwah itu sudah ada perjanjian dengan keluarga, perjanjian dengan orang kampungnya untuk balik ke kampung. Jadi selalu kesulitan bagi pihak yang berkenaan mendapatkan pendakwah-pendakwah itu. Jadi cadangan saya bagi mengatasi masalah ini kalau boleh supaya Pegawai-pegawai Dakwah ini diberi cuti mingguan selain daripada cuti mingguan biasa, maksud saya biarlah Pegawai-pegawai Dakwah ini bertugas pada hari Ahad ataupun pada hari Sabtu. Ertinya pihak Bahagian Hal

Ehwal Agama Islam atau Pusat Islam terpaksa membuka pejabatnya selama penuh 7 hari satu minggu.

Jadi, saya tidak ingin untuk berbincang panjang kerana memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain untuk membincangkan perkara-perkara lain. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.32 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Butiran 050000, muka surat 32, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, sebagaimana rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani itu pun ada menyentuh sebentar tadi iaitu peruntukan yang diperuntukkan sebanyak \$18.4 juta.

Tuan Pengerusi, agama Islam adalah Agama Rasmi dalam negara kita Malaysia ini iaitu agama yang memberikan pedoman dan juga ajaran Islam dan di samping itu juga agama Islam adalah agama yang maha suci yang dianuti oleh berjuta-juta umat Islam dalam dunia ini.

Oleh yang demikian, dalam masalah ini kita mengharapkan supaya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri ini dapat memberikan benar-benar fatwa-fatwa berhubungan dengan agama Islam ini keseluruhannya dalam negara Malaysia ini khasnya kerana kita seringkali, Tuan Pengerusi, mendengar pendapat-pendapat alim-ulama dalam negara kita ini bercanggah antara satu kepada satu negeri. Dengan keadaan itu, saya rasa kemungkinan pengikut-pengikut dan belia-belia yang kurang

berpengalaman agama selalu terikut-ikut. Dan dengan keadaan itu menjadikan mereka itu menimbulkan masalah kepada kita.

Umpamanya, semalam sahaja, fatwa yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, oleh Mufti kalau tak silap saya, dalam akhbar menyatakan memakai serban orang yang belum naik haji haram hukumnya dengan syarat-syarat tertentu. Pagi ini pula Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, JPM sendiri pula mengatakan halal pula dengan syarat-syarat yang begitu. Oleh itu, dalam masalah ini, saya rasa saya tidaklah mahu menerangkan lebih lanjut dalam soal ini kerana saya juga tidak begitu arif dalam soalan agama yang begitu panjang, tetapi dalam masalah ini kita mengharapkan supaya dapat fatwa seumpamanya, rasa saya dapatlah diselaraskan di seluruh negara ataupun dibawa dalam perbincangan semua alim-ulama yang ada dalam negara kita, bukan atas soal-soal yang sekecil yang saya sebutkan tadi, tetapi juga masalah-masalah agama yang lain. Umpamanya, pengikut-pengikut yang memakai pakaian yang menutup mata atau purdah, ada pengikut daripada Masjid India dan seterusnya pergi ke masjid-masjid memberikan syarahan dan berbagai-bagai lagi fahaman agama. Sungguhpun mereka itu beragama Islam, tetapi fahaman itu bersaing dan berlawanan antara satu dengan lain.

Berbalik dalam soal ini juga saya ingin menyebutkan berhubung dengan imam-imam yang juga dibekalkan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam sama ada pihak Negeri kepada masjid-masjid yang mana dahulu imam-imam itu adalah dipilih oleh penduduk-penduduk dalam kariah ataupun kampung tersebut yang mana mereka itu telah pun berumur untuk menjadi imam. Tetapi sekarang ini, dengan adanya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam ini imam-imam adalah dibayar

gaji dan didatangi daripada Pejabat Agama Islam sendiri yang telah dilantik sebagai kakitangan Kerajaan.

Dengan kedatangan imam-imam ini juga yang saya dapat tahu khasnya di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur ini banyak menimbulkan masalah kerana imam-imam itu yang dihantar oleh Kerajaan, kadangkala muda sangat, umur 23-24 tahun. Sungguhpun mereka itu dari segi akademik dalam pelajaran Islamnya tinggi, tetapi dari segi pengalaman belum ada lagi.

Dalam keadaan ini juga banyak orang di kawasan saya sendiri tidak mahu pergi sembahyang kerana katanya Imam yang ada tidak begitu seronok, kerana Imamnya terlampau muda sangat daripada makmum-makmum yang mengikutnya. Di samping itu juga, maklum sahajalah orang muda, kemungkinan tidak buat pandang pun ada juga. Maklumlah memandang orang lalu, anak dara, isteri orang dan seterusnya. Kemungkinan ini juga sumbang dipandang oleh penduduk-penduduk kampung yang benar-benar mereka ini dengan tradisi lamanya. Oleh hal yang demikian saya mengharapkan supaya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam ini dapat mengambil daya usaha mencari Imam-imam ini, orang-orang yang telah dewasa sedikit. Jikalau tidak ada pun, apa salahnya supaya dilantik Imam-imam yang ada di dalam kampung yang dipersetujui oleh penduduk-penduduk yang berkenaan.

Dalam soal lain pula dalam khutbah, dengan tidak adanya Imam-imam Kerajaan ini pula banyak pula masjid-masjid yang tangkap-tangkap sahaja untuk menjadi Imam apabila sembahyang Jumaat. Salah-salah tangkap orang ini adalah anti-Kerajaan yang mana mereka ini membaca khutbah berlanjutan, membidas Kerajaan itu dan ini termasuklah yang bukan-bukan yang tidak perlu dibawa ke dalam khutbah

Jumaat. Ini juga saya rasa supaya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam mengambil tindakan kerana dengan adanya cara ini akan dapat membawa ke dalam masjid sedikit sebanyak kadangkala terpengaruh juga oleh golongan-golongan tua dengan pandangan dan ucapan yang boleh mencetuskan perkara-perkara yang tidak baik khasnya di kalangan sesama Islam sendiri.

Dalam soal yang lain pula, sungguhpun kita tahu di Kuala Lumpur khasnya, Tuan Pengerusi, tanah berkurangan hendak mendirikan masjid begitu susah kerana tempat-tempat tidak dapat. Pihak Kerajaan mendirikan rumah-rumah pangsa. Bila mendirikan rumah pangsa ini, surau ataupun tempat sembahyang tidak disediakan hanya apabila flat-flat ini ataupun rumah-rumah pangsa siap sedia barulah dicari satu bilik atau dipecahkan bilik seterusnya dijadikan surau. Kadangkala kiblat-kiblat untuk menghadap sembahyang terpaksa kadang-kadang menghalu ke sebelah sungai, ke sebelah jamban, menghalu ke sebelah jalan dan saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan sama ada di Wilayah Persekutuan ataupun di mana sama sahaja, kerana agama Islam ini adalah agama suci saya rasa supaya tiap-tiap projek perumahan sama ada flat ataupun projek-projek yang lain mesti disediakan tanah untuk mendirikan surau ataupun masjid atau madrasah berasingan yang tidak sebagai sekarang ini yang diletakkan di tingkat satu, tingkat bawah dan kadangkala di tempat-tempat letak basikal yang tidak dipakai itu dibetulkan dan dijadikan madrasah. Ini mencemari agama Islam yang maha suci ini. Oleh itu kita mengharaplah apa yang saya sebut ini dapat diambil ingatan, diambil kira oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya dalam ibadat ini diutamakan lebih awal sebelum projek-projek

perumahan disediakan khasnya di Kuala Lumpur ini, di rumah-rumah pangsa.

Sekarang izinkan saya, Tuan Pengerusi, masuk ke muka surat 35, Butiran Projek 03500, Perumahan Awam Wilayah Persekutuan, peruntukan \$6.5 juta yang mana tandanya tidak boleh dibelanjakan tanpa kelulusan Perbendaharaan—ada tanda bintang di situ.

Tuan Pengerusi, soal Perumahan awam di Wilayah Persekutuan ini sangat merunsing dan merumitkan terutamanya seringkali saya sebutkan berhubung dengan setinggan, penduduk yang miskin di Kuala Lumpur ini sentiasa ternanti-nanti mereka itu untuk dapat duduk atau tinggal di rumah-rumah yang disediakan oleh Kerajaan iaitu rumah kos rendah, rumah-rumah flat ataupun rumah-rumah panjang kerana mereka ini, Tuan Pengerusi, tidak sanggup lagi dengan ada pembangunan-pembangunan yang begitu pesat di Kuala Lumpur ini sentiasa mereka ini dalam ancaman apabila hujan, banjir; mereka ini sentiasa dibanjiri rumah mereka dengan air, kadangkala 7—8 kaki terpaksa berpindah dengan harta benda yang habis basah, hilang dan sebagainya.

Disamping itu pula apabila kemarau mereka ini dalam ketakutan jikalau rumah mereka terbakar kerana rumah begitu dekat antara satu dengan yang lain. Dalam masalah ini kita mengharapkan pihak Kerajaan khasnya Jabatan Perdana Menteri supaya dapat mempercepatkan mendirikan rumah-rumah kos rendah di Kuala Lumpur ini yang mana banyak kawasan-kawasan yang telah sedia ada yang telah dikaji tanah, separuh yang ada pun cerucuk atau piling telah pun disediakan tetapi tergendala disebabkan bermacam-macam sebab. Ada yang pemajunya lari, kemungkinan juga ada pihak Kerajaan yang tidak cukup duit.

Dengan adanya pengswastaan sekarang ini rasa saya perkara ini boleh diatasi.

Banyak orang-orang setuju hendak membuat usaha sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun pihak Kerajaan untuk mendirikan projek-projek ini. Jadi, dalam masalah ini saya mengharapkan tempat-tempat yang masih terbengkalai ini supaya dapat diusahakan bagi menempatkan penduduk-penduduk khususnya di Kuala Lumpur iaitu orang-orang yang susah ini dapat diberi tempat untuk mereka tinggal. Selain daripada tinggal di rumah-rumah yang sentiasa di landa banjir dan juga kebakaran.

Saya mengharapkan dalam soal ini juga pihak Dewan Bandaraya dan juga Jabatan Hal Ehwal Wilayah Persekutuan supaya berhati-hati apabila memberi tanah dengan usaha sama kepada projek-projek yang lain supaya rumah-rumah kos rendah ini diberi keutamaan ataupun diberikan lebih unit-unit untuk orang-orang yang kesusahan.

Apa sebabnya saya sebut begini, Tuan Pengerusi, satu projek di kawasan Brickfields dulunya dan sekarang ini dikenali dengan Jalan Tun Sambanthan iaitu di Kampung Khatijah. Pada mulanya apa yang saya dapat tahu projek itu pada tahun 1980 dan saya sendiri pun tahu dalam soal itu, projek itu hendak diwujudkan dan hendak didirikan bangunan setinggi 17 tingkat dengan unit-unit yang begitu banyak dengan kos rendah iaitu rumah-rumah yang harga \$25,000 ke bawah untuk dijual kepada penduduk-penduduk yang berdekatan. Tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu projek itu telah pun terhenti atau tergendala dan yang telah diberi kepada suatu syarikat tetapi syarikat itu tidak dapat membuat dan baru-baru ini telah diberikan pula kepada syarikat yang lain dengan usaha sama dengan pihak Dewan Bandaraya yang

malangnya rakyat di situ tertunggu-tunggu untuk mendapatkan rumah itu iaitu rumah murah.

Baru-baru ini telah pun dimulakan semula dan projek itu telah dilancarkan dan telah diumumkan tidak ada satu unit pun rumah-rumah itu yang berharga murah tetapi telah ditukar kepada harga tinggi iaitu \$79,000 hingga \$89,000 iaitu Palm Court namanya yang telah dialih dan dijadikan kondominium harga mahal. Tetapi asalnya adalah harga murah. Bagaimanakah keadaan ini berlaku? Bagaimanakah hendak menolong rakyat yang miskin?

Saya rasa dalam masalah ini kita tidak mahu pihak Kerajaan menokok-tambah ataupun mengkayakan orang yang kaya menjadi kaya, masalah kemiskinan perumahan masih lagi berada di tahap itu juga. Oleh itu dalam masalah ini, saya mengharapkanlah oleh kerana projek ini nampaknya baru lagi dan belum lagi baru separuh hendak dinaikkan supaya dapat pihak Dewan Bandaraya semula supaya diikuti pelan yang lama iaitu kawasan itu sekurang-kurangnya satu blok dijadikan kawasan perumahan rumah murah untuk dijual ataupun disewakan kepada penduduk-penduduk di sekitar yang telah menunggu dan telah pun tahu hal ini dahulu tetapi sekarang telah beralih projek ini menjadi projek rumah harga mahal.

Dalam soal penjaja-penjaja kecil, di muka 32, Tuan Pengerusi

Tuan Sim Kwang Yang: Korum tidak cukup.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai, sekejap. 19 orang, bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 39 Ahli hadir).

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): 39 Ahli, teruskan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkara P.7 Butiran (Projek) 01700—Peniaga-peniaga Kecil, \$8 juta diperuntukkan, muka surat 37.

Dalam soal peniaga-peniaga kecil ini, Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi mendengar ucapan Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang mengatakan untuk menyatu-padukan kaum dalam negara kita ini, perhubungan polarisasi kaum yang berlaku di negara kita ini, oleh itu dalam masalah ini saya nampak bagi merapatkan lagi antara kaum yang ada dalam negara kita ini khasnya di Wilayah Persekutuan ini, kita tidak mahu lagi ada nama Cina Town atau Pekan Cina, kawasan Melayu dan seterusnya yang mana kawasan-kawasan ini penuh oleh satu-satu kaum sahaja.

Misalnya di China Street, China Town, Kuala Lumpur yang dikatakan, dengan izin, yang penuh oleh orang-orang dan di kawasan-kawasan lain di Pudu, umpamanya begitu juga. Oleh itu, saya mengharapkan Kementerian ataupun Jabatan Perdana Menteri ini melalui Dewan Bandaraya supaya peniaga-peniaga yang ada iaitu khasnya di malam-malam hari yang berselerak sekarang ini supaya dapat diubah iaitu peniaga-peniaga ini tidak lagi satu-satu kaum sahaja di satu-satu tempat supaya mereka ini dapat dipecah-pecahkan. Oleh itu, dalam masalah ini saya rasa untuk mengelakkan satu-satu kawasan itu, satu-satu kaum sahaja pergi dan ramai lagi kawasan-kawasan lain satu-satu kaum sahaja yang pergi dan ramai. Oleh itu, kita mengharapkan lesen-lesen yang diberi oleh pihak-pihak Dewan Bandaraya sekarang ini supaya dapat dipecahkan.

Dalam keadaan ini, saya rasa, kita tidak mahu lagi ada pihak-pihak yang mengatakan kita ada perkauman antara satu dengan lain dan seterusnya. Dengan keadaan ini peniaga-peniaga ini khasnya dapat bercampur gaul dan mengharapkan dalam satu-satu tempat itu juga disediakan gerai-gerai yang begitu baik, bukan sebagai sekarang ini nampaknya gerai tolak yang begitu tidak menyenangkan dari segi kesihatan yang tidak baik. Kadangkala kita melihat hendak makan pun terasa benda itu sedap dilihat, tetapi apabila kita melihat ke belakang dengan keadaan airnya kotor dan seterusnya tidak tentu. Ini juga kita mengharapkan kepada Dewan Bandaraya khasnya kepada peniaga-peniaga kecil ini dapat mereka ini menyesuaikan dan dengan keadaan ini saya rasa akan lebih mendapatkan kebaikan kesihatan kepada kita semua.

Sekarang ini begitu banyak pemuda-pemuda lepasan sekolah dan juga mereka ini yang telah pun lulus pengajian tinggi yang tidak dapat pekerjaan. Mereka ini perlu juga diberi keutamaan di atas kerja-kerja yang ada di Kuala Lumpur ini khasnya dan juga di bandar-bandar yang lain di negara kita ini agar mereka ini tidak menjadi beban pada kita dan tidak menyalahkan pihak Kerajaan yang kita ini menyekat itu dan ini pada mereka semua.

Saya rasa setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya ingin mengambil bahagian berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.59 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya

mengambil bahagian sama untuk membahas Anggaran Pembangunan Pengurusan dan Pembangunan 1988. Dan saya akan menyentuh perkara kepala dalam Bil. ini, pertamanya B.1, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Muka surat berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Muka surat 23.

Tuan Pengerusi, Butiran 010000, muka surat 23 berhubung dengan Urusan Parlimen.

Sesudah setahun saya menjadi anggota Parlimen, saya tidak puas hati tempoh perbincangan yang begitu singkat terutama bila membahaskan peruntukan Kementerian-kementerian seperti yang kita lakukan sekarang. Tuan Pengerusi, sebagaimana maklum tempoh sidang Dewan bermula dari pukul 2.30 dan berakhir pukul 6.30 petang. Waktu untuk membahaskan sesuatu cuma selepas pukul 3.30 petang, ertinya kita ada masa cuma 3 jam. Kadang-kadang Dewan terpaksa meluluskan peruntukan bagi tiga Kementerian dalam masa 3 jam, ertinya satu Kementerian hanya 1 jam. Dewan ini mempunyai 177 Ahli, sekiranya tiap-tiap Ahli mahu memainkan peranan, berapa saatkah seorang Ahli dapat bercakap? Untung juga ramai anggota Dewan tidak mengambil berat untuk membincangkan peruntukan yang penting itu, tetapi tidak mengapalah, mereka suka duduk di kantin ataupun berbual-bual di luar hingga hari-hari Dewan ini tidak cukup kuoram selalu dikira. Apa boleh buat, semangat berapi-api orang yang bercakap diganggu.

Tuan Pengerusi, saya percaya bagi Ahli yang ingin memanfaatkan kehadiran yang mahu membahaskan segala peruntukan bagi satu Kementerian, kadang-kadang terasa

terlalu terhad dan tidak banyak yang dapat hendak diperkatakan. Itu belum lagi gangguan dari Ahli-ahli yang suka berjenaka dengan secara mengganggu orang lain sedang bercakap.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya sidang Parlimen kembali seperti asal iaitu bersidang mulai pukul 9.30 pagi hingga petang. Walaupun masa itu juga akan dirasakan singkat bagi masalah yang terlalu banyak, tetapi ia agak cukup berpadam dengan keperluan membincangkan segala yang dibentangkan. Bila sudah diadakan sebelah petang sahaja, tujuannya pada masa dahulu untuk memudahkan Menteri menjalankan tugas Kementerian di sebelah pagi dan ia juga untuk kemudahan ahli profesional seperti peguam, doktor dan lain-lain menjalankan urusan pejabatnya di sebelah pagi. Mungkin waktu itu sesuai kerana negara masih muda dan tidak banyak masalah dan wakil rakyat pun tidak ramai, cuma 104 orang sahaja. Tetapi sekarang Ahli Parlimen bertambah menjadi 177 orang dan para Menteri pun kini sudah dibantu oleh Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Setengah Menteri punyai dua timbalan, kadang-kadang dalam sehari satu muka Menteri pun tidak nampak! Mereka akan diganti oleh Timbalan dan Setiausaha Parlimen. Agaknya tidak berbangkit bagi Menteri lagi tidak mendapatkan cukup masa untuk membuat kerja di Kementerian.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran yang sama juga, saya ingin menarik perhatian tentang Program Urusan Parlimen yang dicatatkan dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, muka surat 375. Antara tugas Bahagian ini ialah mengendalikan Urusetia 4 Kesatuan Parlimen Antarabangsa Cawangan Malaysia. Apa yang menarik perhatian saya ialah mengenai sidang Ahli-ahli

Persatuan Parlimen Komanwel yang diadakan di Kuala Lumpur beberapa bulan yang lalu. Walaupun saya anggota Pembangkang, tetapi saya ikut malu juga apabila calon tuanrumah gagal untuk menjadi Presiden Persatuan itu.

Antara yang menyebabkan kekalahan Dato' Shahrir Samad, bekas Menteri Kebajikan Masyarakat untuk menjadi Pengerusi badan itu adalah disebabkan oleh tidak adanya sokongan dari Kerajaan Malaysia sendiri. Walaupun ada Menteri menafikan yang dia tidak kempen supaya perwakilan antarabangsa jangan menyokong Dato' Shahrir, tetapi penafian itu tidak meyakinkan orang ramai. Yang perlu diperhatikan di sini betapa pemimpin-pemimpin Kerajaan Malaysia tiada gentleman menghadapi orang-orang yang tidak disenanginya, padahal tidaklah apa untungnya sangat bagi seseorang yang menjadi Pengerusi badan yang tidak banyak kuasa dalam sesebuah negara itu tetapi ia tidak boleh diterima oleh pemimpin-pemimpin seperti yang ada di negara ini. Mereka sanggup untuk membawa krisis mereka hingga ke peringkat antarabangsa dan kemudian mereka marah pelajar-pelajar dan lain-lain pihak yang mengancam Kerajaan di luar negeri. Kerajaan sendiri tidak dapat menunjukkan contoh yang baik, maka bagaimana orang luar menghormati Kerajaan seperti ini.

Satu kemungkinan lagi ialah kekalahan calon tuanrumah tadi ialah orang luar tidak lagi tertarik dengan Malaysia yang pemimpin Kerajaan atau parti yang memerintah tidak kuat, mereka sesama mereka berpecah.

Tuan Pengerusi, mengenai Urusan Parlimen ini juga, saya tertarik kepada cadangan Hakim Datuk Hashim bahawa Dewan Negara disusun semula. Mungkin cara dan cadangan Hakim itu tidak perlu diterima 100%

tetapi cadangannya supaya dikaji bagi menjadikan ianya lebih berkesan adalah suatu yang dialu-alukan. Sehingga ini pandangan umum kepada Dewan Negara tidak seperti yang dijangkakan. Bukan pandangan umum sahaja meletakkan Dewan itu rendah dari Dewan Rakyat, malah Kerajaan sendiri menyediakannya pada tempat yang rendah. Elaun Senator sendiri rendah dari elaun Ahli Dewan ini.

Tujuan Dewan Negara diadakan ialah untuk menapis keputusan-keputusan Dewan Rakyat tetapi keadaan yang menyebabkan Dewan itu tidak cukup semangat untuk menjadi penapis kepada Dewan ini disebabkan oleh kita semua. Saya mencadangkan supaya pandangan Hakim tadi diperhatikan dan kalau perlu tokoh-tokoh yang berpengalaman seperti bekas-bekas Perdana Menteri, bekas Menteri Kewangan, bekas Pegawai Tadbir yang terpilih, bekas Hakim, tokoh-tokoh ulama yang tidak ada apa-apa kepentingan tetapi mereka suka memberikan khidmat, tentu boleh memberikan kesan dan penghormatan kepada Parlimen kita.

Dua orang bekas Perdana Menteri telah menunjukkan sikap yang berani menegur perjalanan Kerajaan dan mereka tentunya tidak bertujuan untuk menjatuhkan Kerajaan yang ada. Walaupun saya tidak berkenan kepada politik mereka, tetapi mereka adalah lebih baik dari setengah-setengah Senator. Sekiranya kita melihat negara-negara yang maju dan stabil politiknya seperti Jepun, Soviet Union, Eropah ramai pemimpin-pemimpinnya terdiri dari orang tua. Kita tidak semestinya dipimpin oleh orang tua juga, tetapi dengan orang tua diberi kedudukan sebagai pengawas kepada badan perundangan seperti ini dipercayai ia boleh memberi erti kepada Dewan dan politik negara. Banyak pandangan bekas pemimpin-pemimpin negara ini dihormati oleh

Kerajaan dan orang ramai. Oleh itu, orang-orang yang bersara ini akan dapat memanfaatkan pengalaman dan khidmatnya sekiranya mereka orang berkebolehan, tentunya kebolehan mereka tidak sia-sia.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh pula Maksud B.2, Butiran 010000—Pentadbiran Am. Saya hendak merujuk perkara Tujuan (ii), Program Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja seperti yang dicatatkan dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, muka surat 379. Tujuan itu disebutkan sebagai:

“(ii) Mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan;”

Kita gembira bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dari masa ke semasa untuk meningkatkan ketahanan nasional agak menggalakkan. Cara-cara itu dilakukan dengan para Raja mengadakan kunjungan dan meninjau masalah rakyat. Dengan demikian timbul satu hubungan dan rasa saling mengerti yang baik antara istana dan rakyat jelata. Suatu yang wajar dialu-alukan ialah perhatian berat istana untuk menyediakan pelajaran tinggi dan sempurna bagi kalangan istana. Dengan demikian terdapat orang-orang dari keluarga Diraja telah berjaya menjadi peguam, ahli tadbir dan sebagainya dan kemudian menjadi ahli politik yang terkemuka. Sekarang pun keluarga Diraja berusaha untuk mendapatkan kelulusan pelajaran yang lebih baik. Mulai ramai putera dan puteri Raja tidak puas dengan Ijazah Pertama universiti, malah berusaha untuk mendapat Ijazah Lanjutan. Dengan ini nanti takhta dan di kalangan istana sendiri akan dipegang oleh mereka yang baik

pelajarannya dan dapat mengerti dan memahami lagi masalah masyarakat dan sebagainya.

Di zaman kebangkitan Islam ini masyarakat adalah menuju arah kefahaman Islam yang ketara. Kecenderungan kepada kepimpinan ulama menjadi suatu tuntutan umum sekarang. Orang-orang dewasa memenuhi majlis-majlis ilmu, surau dan masjid mulai makmur. Oleh kerana Raja adalah Ketua Agama, maka perlulah kalangan Istana memikirkan bahawa keluarga menyediakan pengetahuan agama yang secukupnya kepada sekalian kerabat bagi menjamin bahawa perjalanan agama Islam di negara ini tidak tersasul. Maka perlu Raja sebagai Ketua Agama mempunyai persiapan yang cukup dari segi ilmu pengetahuan. Sekalipun soal agama ini sentiasa dinasihatkan oleh para Mufti, Khadhi Besar dan lain-lain penasihat agama yang terdiri dari ulamak, tetapi kelemahan ulamak itu sendiri, segan-silu ataupun malu-alah dengan Raja-Raja menyebabkan nasihat tadi kadang-kadang tidak cukup sempurna. Sesuatu masalah itu lebih mudah diselesaikan sekiranya Sultan sendiri faham akan masalah itu.

Contoh yang terbaik ialah, kerana adanya dari kalangan istana orang-orang yang memahami undang-undang dan perlembagaan, maka tidaklah mudah bagi mana-mana pihak untuk membuat tafsiran undang-undang secara melulu.

Tuan Pengerusi, saya tekankan perkara ini kerana adanya hadis yang menyebutkan bahawa agama Raja itu adalah agama rakyat. Pendirian Raja itu sesungguhnya mempengaruhi pendirian rakyat. Mengapa orang Melayu Melaka dan rakyat negeri-negeri lain seluruhnya memeluk agama Islam lima kurun yang lalu ialah disebabkan oleh Raja Melaka dan diikuti oleh Raja-raja lain memeluk Islam. Kiranya waris takhta

nanti terdiri dari seorang pelajar yang mampu memahami al-Quran dan hadis, di samping cabangan-cabangan ilmu lain, maka ketahanan negara akan terus stabil. Dengan ini tujuan tiga dan lain-lain tujuan dalam program dan prestasi Belanjawan itu dapat dilaksanakan dengan baik.

Di bawah butiran yang sama, saya menyokong saranan Yang Mulia Tunku Abdul Rahman Putra supaya diadakan satu Tribunal Khas bagi memastikan para Raja menduduki takhta dengan baik.

Tuan Pengerusi, sekarang saya cuba menyentuh Kepala B.4 mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Saya menyentuh Butiran 010000 di bawah Butiran Kecil 010300—Penjalanan Pilihanraya.

Masanya telah tiba bagi Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji semula seluruh perjalanan pilihanraya bagi memastikan keperluan itu sangat dikehendaki. Saya menganjurkan supaya satu penyiasatan atau Suruhanjaya Penyiasat atas penjalanan pilihanraya diadakan. Sudah pasti Suruhanjaya akan mengetahui bahawa banyak kepincangan berlaku.

Saya hendak menarik perhatian Dewan tentang Buku Anggaran Belanjawan—Program dan Prestasi, muka surat 387. Tujuan untuk memelihara dan mengekalkan proses demokrasi pilihanraya yang adil dan saksama dan memastikan hak mengundi kepada setiap rakyat yang berkelayakan.

Dari segi tujuan program ini, tentunya baik terutama untuk memastikan peluang mengundi bagi setiap rakyat yang berkelayakan. Tetapi pelaksanaannya perlu diperhatikan. Saya bimbang bahawa Suruhanjaya mungkin tidak sedar bahawa tidak semua pengundi dapat memberikan undi dalam pilihanraya umum 1986 atas sebab kakitangan

yang dilantik oleh Suruhanjaya ada yang tidak jujur. Ramai pengundi yang masuk ke bilik pengundian tetapi membawa kad yang disediakan oleh Pembangkang, khususnya PAS tidak dapat mengundi disebabkan oleh Kerani Pengundi berpura-pura tidak menjumpai nama mereka dalam Buku Daftar Undi. Kad yang diberi oleh Pembangkang itu, sama macam kad yang disediakan oleh parti yang memerintah, lengkap dengan keterangan, nama pengundi, kad pengenalan, nombor kod dan lain-lainnya. Dengan keterangan dari kad itu Kerani mudah memastikan mereka mengundi dan mereka pengundi yang sah dan diberikan kertas mengundi. Tetapi . . .

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah?

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri?

Tuan Hashim bin Safin: Demi keadilan, ya. Setahu saya, di tempat mengundi, kita badan-badan politik mempunyai wakil pengundi masing-masing. Apa yang dibuat oleh wakil pengundi PAS semasa pemberian atau penyemakan senarai mengundi dan apakah tuduhan ini diberi kerana PAS kalah teruk, dan semasa PAS menang dahulu, tidak pernah dituduh bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ini berlaku curang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu hujah orang yang menang. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat pun menang juga. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya, satu orang. Tetapi ada di antara pengundi yang membawa itu diberi tahu bahawa nama mereka tidak ada. Pengundi yang malang itu lalu keluar dan ada di antara mereka pergi ke tempat mengundi yang lain kalau-kalau nama mereka ada di sana, ataupun pergi semula kepada bangsal Pembangkang yang memberikan kad tadi untuk mengadu yang nama mereka dikatakan tidak ada dalam Buku Daftar Mengundi. Bila nama mereka disahkan oleh pekerja parti ada dalam Buku Daftar Mengundi, mereka masuk semula ke bilik mengundi. Mereka dapat mengundi pula kerana Kerani tadi jumpa pula nama mereka, sambil mengatakan, "minta maaf", atas kelemahan, kononnya. Tetapi bagi yang tidak panjang fikirannya, mereka pulang sahaja dengan tidak mengundi. Kejadian ini banyak berlaku di seluruh negara, dan mangsa perbuatan ini ialah orang-orang tua dan wanita yang dirasakan penyokong Pembangkang.

Kiranya dalam masa satu jam Kerani Mengundi boleh mengelakkan tiga orang dari mengundi mengikut cara ini, bagi satu saluran mengundi, biasanya pengundi sesak ialah sekitar 7 jam, iaitu sehingga pukul 3.00 petang. Ini bererti seramai 21 orang Pembangkang dinafikan haknya. Kalau satu kawasan pilihanraya itu terdapat 30 saluran mengundi, ini bererti 360 orang hilang peluang mengundi. Jumlah ini sahaja cukup untuk menghalang orang yang layak menang dari memegang kedudukannya. Dengan sendiri tujuan program yang digariskan oleh Belanjawan ini telah tidak dilaksanakan. Ia menyebabkan cita-cita demokrasi dan keadilan pincang. Ini belum lagi dikaji pengundi-pengundi pos yang terdiri dari pengundi-pengundi yang beruniform yang kebanyakan tinggal di hutan, jauh di sempadan dan kawasan-kawasan yang sukar didatangi segera.

Tempoh kempen dari hari penamaan calon hingga membuang undi adalah singkat, kemudian nama kertas undi dicetak mengambil masa, mengiriskan kertas undi kepada pengundi memakan masa lagi. Pihak berwajib tentu terpaksa mencari pengundi-pengundi yang bertaburan di hutan-hutan dan kawasan-kawasan terpencil. Tentulah sukar bagi kertas undi itu disampaikan untuk dikembalikan sebelum hari mengundi. Tetapi kertas itu balik kebanyakannya. Adakah dia diundi oleh pengundi-pengundi atau ada satu Lembaga Pengundi untuk mereka yang tentunya tidak diperuntukkan oleh Peraturan Suruhanjaya Pilihanraya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Hal ini berlaku, tetapi sengaja tidak diberi perhatian oleh semua. Berbagai-bagai kepincangan dalam perkara ini sahaja yang akan mengambil masa panjang kalau saya mendebatkan satu persatu. Gembirakah Suruhanjaya Pilihanraya sekiranya aspek ini telah menimbulkan keraguan? Membuang undi di kawasan larangan seperti di kawasan polis atau khemah tentera. Kawasan seperti ini, calon-calon tidak boleh menghantar pemerhati atau petugasnya untuk mengendalikan perjalanan pilihanraya seperti di tempat-tempat awam yang bebas. Pihak keselamatan belum bersedia untuk membenarkan orang luar masuk atas sebab-sebab keselamatan. Saya tidak membantah peraturan keselamatan itu, tetapi apakah usaha Suruhanjaya untuk memastikan yang perjalanan pilihanraya itu

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun. Hendak beri jalankah?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolehlah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, cuma saya ingin penjelasan. Saya juga di antara manusia-manusia yang ingin kepada keadilan dan kenyataan yang sebenarnya iaitu mengenai undi-undi atau pengundi-pengundi atau suara-suara daripada angkatan bersenjata yang dihantar melalui pos. Semasa hendak membuka peti undi bagi undi secara pos ini, adakah Yang Berhormat telah melihat semua mereka itu mengundi Barisan atau sebaliknya. Jadi, itulah yang dapat memastikan jawapannya. Jawapannya daripada Yang Berhormat itu sendiri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat itu mahu keadilan, terimalah hujah saya ini.

Yang keduanya, kalau saya tidak dapat memastikan sesuatu, saya tidak akan kemukakan dalam Dewan ini dan bagi saya jelas.

Tuan Pengerusi, saya tidak membantah peraturan keselamatan itu tetapi apakah usaha Suruhanjaya untuk memastikan yang perjalanan pilihanraya itu dapat dilaksanakan mengikut peruntukan yang ada pada Suruhanjaya Pilihanraya. Cadangan saya kiranya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada dalam Peraturan Mesyuarat tidak boleh menyentuh berkenaan dengan kerja-kerja pilihanraya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya, saya faham. Saya tidak komen Suruhanjaya.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Cadangan saya kiranya pemerhati calon tidak boleh masuk

maka Suruhanjaya hendaklah mengadakan pilihanraya itu di luar kawasan itu. Apalah istimewanya pengundi-pengundi di tempat tersebut tidak mungkin keluar dari kawasan untuk mengundi.

Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan pandangan Hakim Dato' Harun Hashim berhubung dengan perlunya Peraturan Pilihanraya itu dikaji dan kalau perlu dipinda Peraturan Pilihanraya yang ada ini dibuat mengikut acuan disediakan oleh Kerajaan penjajah. Penjajah tidak menyertai pilihanraya. Justeru itu ia sesuai dengan keperluan masa itu, tetapi kerana kini Kerajaan dapati memerintah sukar untuk dipisahkan maka peraturan dan perjalanan yang ada lebih menguntungkan parti memerintah.

Cadangan saya ialah dibentuk sebuah suruhanjaya penyiasat bagi memastikan perjalanan pilihanraya yang lalu telah menepati segala peruntukannya dan sudah tiba waktunya pilihanraya berjalan mengikut keperluan dan kepentingan Islam. Hendaklah dipastikan yang Suruhanjaya ini tidaklah terpaksa patuh kepada kehendak demokrasi semata-mata, tetapi ia hendaklah memelihara dan memastikan proses mendaulatkan Islam melalui atau menerusi pilihanraya yang adil dan saksama, memastikan hak mengundi seperti yang dianjurkan oleh Islam.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pula Butiran 010000, 010100 Pentadbiran dan Kewangan yang tahun 1988 nanti diperuntukkan \$43,757,400. Dalam buku Program dan Prestasi Belanjawan, muka surat 304 dicatatkan 2,000—Jumlah Kurniaan Bintang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya bersetuju bahawa sesiapa juga yang berjasa dan memberikan khidmat yang baik dikenan oleh negara dan

bintang-bintang anugerah itu adalah satu penghargaan yang menjadi kenangan.

Apa yang saya ingin timbulkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah perlunya kita memastikan bahawa anugerah itu dihargai dan terus dinilai oleh masyarakat. Oleh itu, pemberian pingat dan gelaran bintang hendaklah diteliti dan janganlah terlalu mudah dikeluarkan kepada sesiapa sahaja. Kiranya bintang-bintang ini terlalu murah dan banyak sangat dikeluarkan nanti ia jatuh nilai dan harganya. Saya mengingatkan ini

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya rasa tak elok Yang Berhormat. Itu menyentuh kepada peribadi siapa-siapa, Yang di-Pertuan Agongkah, Sultankah di atas tilik mereka itu hendak dianugerahkan apa-apa. Saya ingat itu bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta maaf, Tuan Pengerusi, sebab saya sentuh ini kerana peruntukan ada. Jadi, kalau saya tak boleh sentuh. . . .

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau saya tak boleh hujah benda itu. Apa ertinya peruntukan. Saya hendak bercakap apa?

Tuan Pengerusi: Ada benda yang

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini silap peruntukan. Maaf, bukan saya ganggu, Tuan Pengerusi, tidak, berdasarkan kepada peruntukan yang ada dalam buku ini maka saya bangkitkan.

Tuan Pengerusi: Tetapi Peraturan Mesyuarat pun Yang Berhormat-Yang Berhormat juga yang buat. Jadi, saya kena menjalankan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, maaf. Saya tidak sentuh siapa-siapa. Keadaan berlaku. Saya rasa, Tuan Pengerusi boleh benarkan.

Tuan Pengerusi: Saya tak benarkan (*Ketawa*). Saya rasa tak manis itu. Bukan sahaja tak manis, ada peraturan dalam Peraturan Mesyuarat yang tak boleh.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi, tak boleh bercakaplah ini?

Tuan Pengerusi: Ya, tak boleh.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, dalam butiran kecil yang sama saya hendak sentuh tentang Kunjungan Ke luar Negeri oleh Perdana Menteri dan Timbalan Menteri.

Dalam Prestasi Aktiviti Belanjawan ini dicatatkan bahawa lawatan ke luar negeri kedua-dua pemimpin itu masing-masing 10 kali setahun sejak tahun 1986. Boleh sentuh hal ini?

Tuan Pengerusi: Boleh. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Adalah menjadi kebiasaan sejak Perdana Menteri sekarang mengambilalih kekuasaan, beliau silih berganti dengan Timbalannya untuk ke luar negeri. Satu balik, satu pergi. Bila Dato' Musa Hitam tidak lagi menjadi Timbalan Perdana Menteri kita mengharapkan amalan itu tidak disambung tetapi dari catatan Prestasi Aktiviti itu disebutkan bahawa Timbalan Perdana Menteri yang ada ini pun tidak juga mahu kalah dengan Perdana Menteri. Dari catatan itu nampaknya setiap orang dari mereka ke luar negeri hampir-hampir tiap-tiap bulan.

Masalahnya, Tuan Pengerusi, ialah apabila terlalu banyak meninggalkan pejabat maka banyak kerja pejabat tidak dibereskan. Mungkin inilah

agaknya sebab prestasi pentadbiran negara sekarang menurun dan kurang berkesan. Dari sudut perbelanjaan setiap kunjungan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tentulah mengandungi rombongan yang besar, tentunya ia mengeluarkan perbelanjaan yang besar.

Saya tidak menafikan kunjungan ke luar negeri adalah penting bagi ketua Kerajaan kerana ia boleh menghubungkan negara ini dengan negara-negara luar, tetapi berkunjung ke luar 10 kali tiap-tiap tahun atau sebulan sekali adalah terlalu kerap bagi seorang ketua Kerajaan. Pemimpin yang terkenal kerap ke luar negeri sebelum ini adalah Sukarno, tetapi apakah yang dibanggakan oleh Indonesia dengan kunjungan Sukarno itu. Benar dia mengenalkan negaranya, tetapi padakah dengan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh negara. Kalau Indonesia dahulu hampir bankrap ekonominya maka Malaysia juga nampaknya hampir bankrap juga. Saya mencadangkan supaya baiklah duduk dalam negeri dan fahamilah masalah rakyat sekarang. Kunjungan ke luar negeri boleh dilakukan pada ketika yang mustahak dan atas sebab-sebab yang munasabah.

Sekarang kita nampak Perdana Menteri hampir sama banyak masanya di luar negeri dengan dalam negeri. Mungkin panas agaknya tinggal terlalu lama dalam negeri. Pemimpin yang berjiwa besar hanya berangkat ke luar negeri ketika ia sesuai dan pemergiannya bukan sekadar baik bagi negaranya, tetapi juga bagi negara yang dikunjungi dan keamanan dunia. Apakah sebenarnya yang diperolehi oleh Malaysia dan rakyat dari kunjungan 30 kali ke luar negeri dalam masa tiga tahun nanti. Saya bimbang tidak seimbang dengan masa, belanja dan keuntungan yang diperolehi

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun. Dia beri jalan. Sila.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau boleh tolong tunjukkan satu atau dua daripada kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya yang sia-sia semata-mata.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tunggu, saya jelas. Entahlah, dari keuntungan peribadinya orang yang berkunjung itu sendiri. Timbalan Perdana Menteri sekarang mengikut peruntukan tahun 1986 ke luar negeri 10 kali dan tahun 1987 ini juga 10 kali. Berita beliau ke luar negeri jarang kedengaran. Adakah beliau ke luar negeri dengan senyap-senyap. Paling akhir saya dengar beliau ke luar negeri ialah ke Jepun dan ke China.

Kalau saya tidak silap, beliau tidak diberikan pulang bila rombongannya pulang, sekitar lebih dari seminggu. Namanya tidak diberitakan selepas itu, pada hal beliau seorang yang suka publisiti. Apakah yang telah berlaku? Adakah beliau pulang, tetapi tidak mahu menemui orang ramai seperti lazimnya dilakukan oleh pemimpin-pemimpin negara yang tidak terbuka seperti Soviet Union dan sebagainya atau beliau tidak balik. Kalau beliau tidak balik, beliau ke mana? Kita tidak mahu pemimpin-pemimpin negara pergi ke mana mereka suka dan tidak memaklukkannya kepada orang ramai. Ada khabarnya beliau ke Tibet dan sampai ke sana beliau jatuh sakit. Adakah hal ini benar? Kalau benar apakah sakitnya dan bagaimana ini berlaku? Paling penting, saya ingin tahu, Tuan Pengerusi, ialah kiranya benar ke Tibet atau pentingnya beliau ke Tibet, apa untungnya Malaysia dan rakyat bila beliau ke Tibet? Kiranya

ada manfaatnya, saya tidak menentang, tetapi kita mahu tahu kerana kunjungan itu membabitkan perbelanjaan dan ada elaun dari kunjungannya itu. Selepas itu ada ketegangan dalam politik Tibet. Adakah apa-apa hubungan dengan kunjungan itu?

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pula perkara Lembaga Penasihat di bawah Butiran yang sama, Program/Aktiviti 010300.

Saya ingin menarik perhatian atas peranan Lembaga ini yang bertujuan untuk menimbangkan kes-kes rayuan dan juga mengulangkaji kes-kes orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Lembaga Penasihat ini membuat pandangan bagi diperkenankan atau sebaliknya oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-raja. Adalah menjadi hak bagi setiap yang telah dijatuhkan hukuman untuk mendapatkan belas ihsan dari Lembaga ini. Apakah Lembaga ini bersetuju atau tidak bergantunglah kepada pertimbangan setelah meneliti hujah-hujah yang dikemukakan. Tetapi adalah menjadi tanggungjawab juga bagi Lembaga ini untuk mendengar sebagai rayuan terutama yang melibatkan kes hukuman bunuh. Saya mengharap benar Lembaga ini jangan menutupkan pintu bagi seseorang yang didapati bersalah untuk membuat rayuan

Tuan Shahidan bin Kassim
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (7). Tadi pun dia sudah sebut, tetapi Tuan Pengerusi sebelum ini benarkan dia tidak boleh sebut itu—36 (7).

Tuan Pengerusi: Dia bercakap berkenaan dengan Pardon Board.

Tuan Shahidan bin Kassim: Pardon Board Raja-raja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia menasihatkannya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apalah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Boleh (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya mengharap benar Lembaga ini jangan menutup pintu bagi seseorang yang didapati bersalah untuk membuat rayuan kerana hak merayu itu telah dijamin oleh Perlembagaan.

Adalah tidak wajar sesuatu yang sudah ditetapkan oleh peraturan dan kemudian perkara itu dinafikan begitu sahaja. Sekiranya ada pihak yang terlanjur cekap untuk tidak memberi pertimbangan atas rayuan tertentu sebelum rayuan itu dibuat atau sebelum rayuan itu dipertimbangkan maka diharapkan ia tidak menjadi suatu ketetapan.

Di samping itu Lembaga Penasihat juga wajarlah melihat peruntukan yang ada dalam Islam tentang rayuan dan pengampunan. Dalam kes bunuh misalnya pihak yang berhak mengampunkan bukanlah Ullil Amri sebaliknya ialah waris simati. Memang banyak baiknya dalam kesalahan jenayah yang melibatkan orang terhukum dengan satu pihak yang lain. Pihak itu diberi hak untuk menentukan apakah yang merayu boleh diampunkan atau tidak.

Lembaga Penasihat wajar memelajari apa kebaikan yang ada dalam peraturan Islam itu.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Program/Aktiviti 010600—Urusetia Persidangan Antarabangsa.

Saya percaya satu dari 15 Persidangan yang diadakan tahun 1987 ialah Seminar Perpaduan Islam yang dianjurkan oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Persidangan atau seminar yang dihadiri oleh wakil-wakil dari negara-negara Islam dan jemputan khas itu yang diadakan kira-kira sebulan lalu khususnya untuk membincangkan masalah pelampau dalam Islam. Seminar ini adalah atas inisiatif Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mendapat kelulusan Doktorate di bidang Ilmu Tasawuf di Universiti Al-Azhar, Mesir. Tetapi saya dukacita, Tuan Pengerusi, wang rakyat yang banyak untuk mengadakan seminar ini telah tidak digunakan dengan betul. Persidangan yang sepatutnya mencari jalan bagaimana perpaduan umat Islam boleh diwujudkan telah tidak menggunakan apa yang diajar oleh Islam. Seminar ini tidak mengutarakan ajaran dari Al-Quran dan Al-Sunnah, tidak terdapat ucapan pembukaan seminar dan sidang penutupnya yang menganjurkan bahawa perpaduan umat slam mesti berpandukan kepada Al-Quran dan Sunnah Rasul.

Kalau orang Islam berbalah hendaklah kembali kepada Al-Quran dan Al-Hadis. Apa yang cuba diutarakan dalam seminar itu ialah tentang wujudnya apa yang disebut pelampau-pelampau dalam Islam. Pihak yang mencipta level pelampau kepada Islam ialah ajaran Yahudi dan kuncu-kuncunya. Adalah malang Bahagian Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri cuba membawa approach Yahudi, untuk mencari perpaduan dalam Islam. Sekiranya

approach Yahudi ini diteruskan maka hasil dari seminar itu akan mencetuskan kecelakaan bukan kebaikan. Apa yang saya kesali, Tuan Pengerusi, ialah kebanyakan orang luar negeri yang hadir itu telah menolak penggunaan level pelampau itu tetapi Menteri yang belajar Tasawuf itu tidak dapat menangkap dan tidak mahu memahami pandangan para ulama yang datang itu.

Antara pandangan yang baik ialah pandangan yang disampaikan oleh Sheikh Zaki Badawi, bekas Pensyarah Kolej Islam, Kelang dan pengasas Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, tetapi kini beliau menetap di England. Kata Sheikh Zaki, melampau adalah satu tuntutan yang tidak mungkin ditunaikan tetapi menuntut supaya Islam dilaksanakan bukanlah satu tuntutan yang melampau.

Walaupun ada pandangan baik tetapi seminar itu dengan semua menekan juga themanya tentang pelampau itu. Saya nampak seminar itu lebih layak dinamakan seminar untuk memecahkan umat Islam.

Saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Kerajaan mengkaji semula supaya seorang yang berwibawa dalam Islam digantikan untuk menjadi Menteri bagi memerhatikan urusan agama Islam ini. Dan Bahagian Agama Islam

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tanah Merah, baiklah.

Tuan Hashim bin Safin: Sesama sendiri. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Apakah tuduhan pihak

tertentu khususnya pemimpin-pemimpin PAS yang mengatakan orang Islam daripada pihak lain tidak menyokong PAS itu kafir tidak melampau?

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, sebelum saya jawab, kalau boleh saya minta pendirian Yang Berhormat itu bahawa definasi dan tuduhan ini apa benda. Kalau dia tidak faham tidak usahlah jadi pembela.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau bangun pula.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dan Bahagian

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau bangun pula.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak tolong jawab apa makna "tuduh" itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maaf, tidak beri.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tunggu sekejap.

Tuan Hashim bin Safin: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Tanah Merah bangun pula.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tunggu dahulu.

Tuan Pengerusi: Tunggu dahulu. Sila duduk! Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Kerajaan mengkaji semula supaya seorang yang

berwibawa dalam Islam digantikan untuk menjadi Menteri bagi memerhatikan urusan agama Islam ini dan Bahagian Agama Islam.

Tuan Pengerusi: Sungai Petani bangun pula.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Belum habis lagi.

Tuan Pengerusi: Belum habis lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dan Bahagian Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri itu hendaklah disusun semula supaya ia tidak menjadi pusat untuk menggelapkan Islam. Saya dukacita bahawa Kerajaan telah gagal untuk mendapat manfaat dari persidangan itu walaupun wang telah banyak dicurahkan disebabkan ia tidak mempunyai pegawai yang jujur tetapi menghimpunkan pegawai-pegawai yang hendak mencari makan dan pangkat.

Tuan Pengerusi, di bawah Program/ Aktiviti 010900—Hal Ehwal Wanita, dalam program Belanjawan, tujuan Bahagian Wanita ini ialah untuk meningkatkan dan memajukan kepentingan dan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negara. Dewasa ini terdapat gangguan yang mencemaskan seluruh wanita dan orang ramai iaitu adanya jenayah mencabul kehormatan wanita hingga anak-anak gadis sunti menjadi mangsa manusia bernaflu syaitan.

Tuan Hashim bin Safin: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Tanah Merah bangun pula, Yang Berhormat. Hendak beri jalan ya?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu secara ikhlas, sebab Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini seorang Tok Guru dan saya pun berminatlah, saya daripada Kelantan. Jadi saya mahu tanya secara ikhlas kerana Yang

Berhormat pernah pergi ke kawasan saya sendiri sebelum pilihanraya mengatakan, membuat tuduhan, bersyarah dan mengedarkan kalau orang UMNO sokong UMNO, kafir—tempat-tempatnya ada, tarikhnya ada. Sekarang minta jelas apakah perbuatan ini tidak melampau, bukan soal politik tetapi apakah tuduhan ini melampau atau tidak, secara ikhlas. Minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sebenarnya soal itu soal yang diada-adakan oleh Yang Berhormat sahaja, benda itu tidak berlaku dan dia boleh bawa tape kalau saya bercakap.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Di bawah Butiran Kecil 010900

Tuan Pengerusi: Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Soal wanita.

Tuan Pengerusi: Muka wanita! (Ketawa)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dalam Anggaran Perbelanjaan tujuan bagi wanita ini ialah untuk meningkatkan dan memajukan kepentingan dan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negara. Dewasa ini kita terdapat gangguan yang mencemaskan seluruh wanita dan orang ramai iaitu adanya jenayah mencabul kehormatan wanita hingga anak-anak gadis

Tuan Pengerusi: Muka berapa itu, Yang Berhormat? Saya hendak pastikan adakah Yang Berhormat bercakap dalam tajuk ini. Muka berapa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Muka saya tidak catat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kita bercakap bersangkutan dengan Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dalam B.7—saya tidak catat muka surat.

Tuan Pengerusi: Kena beri saya puas hati dahulu, baru boleh Yang Berhormat berucap.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: B.7, muka 32.

Tuan Pengerusi: Butiran, Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: 010900, Butiran Kecil, muka surat 32.

Tuan Pengerusi: Adakah peruntukan yang \$485,000 itu?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya. Bolehkah saya teruskan, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Apa dia hal ini. Bolehkah kita dapat tahu, kerana Yang Berhormat ini bercakap berkenaan dengan rogol dan pengacauan gadis-gadis. Adakah benda ini bersangkutan dengan perkara itu? Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, bolehkah beritahu. Di sini ia ditulis “Hal Ehwat Wanita”, maknanya bukan main luas, kesemuanya boleh bercakap. Adakah ini sebenarnya ia mempunyai penglibatan yang tertentu? Tidakkah boleh beritahu kepada kita, Yang Berhormat ini bercakap keluar daripada maudhuk kerana kita sekarang dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, kalau Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi di bawah maksud ini muka surat 308 mengenai Aktiviti Urusetia Hal Ehwat Wanita; Tujuan—Mengikat dan memajukan kepentingan dan

penglibatan wanita dalam proses pembangunan negara, dan saya bercadang supaya Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa diberi, dengan izin,

Tuan Pengerusi: Yang ini kalau sekiranya bersangkutan dengan rogol, macam mana boleh bersangkutan dalam proses pembangunan negara.

Tuan Sim Kwang Yang: Hak-hak wanita diperindungi daripada bahaya rogol pun dapat dimasukkan sebagai kepentingan wanita.

Tuan Pengerusi: Saya rasa itu terlampau luas mengkaji semua perkara-perkara yang lain. Saya rasa benda yang disebutkan di situ sahaja yang boleh disentuh, iaitu dalam proses pembangunan negara.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya sebut ini fasal masalah berkait dengan wanita—rogol ini wanitalah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Lelaki tidak ada. (*Ketawa*) Sila.

Tuan Pengerusi: Saya rasa itu tidak bersangkutan—Kalau bersangkutan dengan Hal Ehwal Dalam Negeri, itu di bawah jagaan polis.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, yang sebenarnya ada—ada seminar mengenai rogol.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan Boleh bercakap benda lain. Ia bersangkutan dengan pembangunan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya faham bersangkutan, tetapi kalau tidak bersangkutan, boleh saya bercakap di bawah Kementerian lain.

Tuan Pengerusi: Ya, masuk dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, dalam masalah bahagian agama tadi juga satu perkara lagi perlu saya bangkitkan di sini iaitu saya berasa dukacita yang pihak Jabatan Agama yang telah diberi peruntukan begitu besar tetapi pada tahun ini ada kurang sedikit peruntukan daripada tahun 1987 lebih tinggi daripada peruntukan tahun 1988. Walau bagaimanapun, satu perkara yang saya merasa dukacita iaitulah pihak Jabatan Hal Ehwal Agama masih tidak dapat untuk mengislamkan Hari Minggu dalam Malaysia sedangkan kita tahu kita telah merdeka 30 tahun dan usaha demi usaha telah dilakukan khususnya oleh Jabatan Hal Ehwal Agama tetapi apa yang berlaku dalam Malaysia selain daripada Hari Minggu tidak dapat disamakan—setengah negeri hari Jumaat, setengah negeri hari Ahad dan hari Ahad ini bukan Hari Minggu bagi umat Islam.

Sepatutnya Bahagian Agama ini telah dapat mengislamkan Hari Minggu ini di seluruh Malaysia, biarlah tidak dapat mengislamkan Perlembagaan tetapi biarlah dapat mengislamkan Hari Minggu. Sebab kalau tidak boleh satu negeri tentu tidak boleh kesemua tetapi ada negeri yang sudah menggunakan hari Jumaat. Ada negeri yang tidak dapat mengguna hari Jumaat sedangkan Malaysia ini kita kira di bawah satu pentadbiran, di bawah satu Perlembagaan. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak Bahagian Agama dapat mengislamkan Hari Minggu bagi seluruh Malaysia.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya kurang jelas ucapannya tadi. Adakah mengislamkan hari atau mengislamkan orang? Bagaimana mengislamkan hari atau mengislamkan orang jadi Islam.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sampai begitukah tidak faham. (*Ketawa*) Betulkah dia tidak faham ini?

Tuan Pengerusi: Jangan tanya sayalah. (*Ketawa*) Sila teruskan. Yang Berhormat minta ringkaskan sedikit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak payah jawablah.

Tuan Pengerusi, saya masuk pula kepada Butiran 020000—Unit Perancang Ekonomi. Di bawah perkara ini saya hendak sentuh mengenai Aset di bawah Program dan Prestasi Belanjawan berhubung dengan penswastan.

Seperti yang saya sebutkan dalam perbahasan Belanjawan secara umum dahulu bahawa Kerajaan nampaknya hendak menswastakan banyak dari harta milik Kerajaan tetapi yang membimbangkan saya ialah dasar ini ialah semacam hendak memperaehkan harta Kerajaan di kalangan orang terpilih yang berhampiran dengan orang-orang berkuasa iaitu Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Tentunya harta-harta yang diswastakan itu adalah perkara yang tentunya sudah terjamin untungnya seperti Telekom, sistem parking motokar, lebuhraya, bekalan air, bekalan ubat di hospital dan lain-lainnya. Dasar penswastan ini ditiru dari Jepun, tetapi Jepun semangat patriotiknya berbeza dengan orang Malaysia. Justeru itu, segala keuntungan kepada Jepun dan rakyatnya. Jepun mengambil gambar di Paris dan London, tetapi balik di proses atau dicuci di Tokyo

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun, atas apa Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Safin: Point of order 36 (6), "seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain". Jadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah ahli-ahli di sini dan sangkaan itu amat jahat dan amat buruk sekali dan kalau perlu, Yang Berhormat perlu membuat penuduhan di luar. Dan saya minta Tuan Pengerusi, perkara ini ditahan daripada bercakap di atas point of order.

Tuan Pengerusi: Ya, saya bersetuju, jikalau sekiranya ada proof bawa keluar kenyataan (proof). Tidak boleh kita di bawah Peraturan Mesyuarat menuduh dengan tidak ada proof.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dasar penswastan ini ditiru dari Jepun, tetapi Jepun semangat patriotiknya berbeza dengan orang Malaysia. Justeru itu, segala keuntungan kepada Jepun dan rakyatnya. Jepun mengambil gambar di Paris dan London, tetapi balik diproses atau dicuci di Tokyo. Ia melabur di Malaysia untuk membina bangunan, tetapi paku dibawa dari Jepun, manakala Malaysia lampin anak pun hendak dibeli di England dan segala-galanya masih bergantung kepada luar negeri. Di samping kepunyaan untuk mengeluarkan sendiri berkurangan, patriotiknya adalah kurang, oleh itu dikuatiri lebih menguntungkan orang luar.

Untuk menswastakan Telekom, Malaysia terpaksa berkongsi dengan orang luar. Untuk menswastakan Lebuhraya Utara-Selatan bergantung atau berpakat dengan syarikat England, Pranchis dan Jepun. Yang dibimbangkan hati ialah keuntungan nanti tidak sepenuhnya dinikmati oleh

negara dan rakyat, tetapi ia dibawa keluar antaranya. Tetapi kalau Telekom itu terus diletakkan di bawah Kerajaan seperti dahulu, segala hasilnya tetap pergi kepada Jabatan Telekom, keuntungannya pulang kepada negara sepenuhnya. Demikian juga dengan pungutan tol lebuhraya, kalau tidak diswastakan tentulah pungutan sepenuhnya pergi kepada LLM. Mungkin yang hendak dicontoh oleh Kerajaan ialah cara Austria Menswastakan beberapa projek

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun, atas apa Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Safin: Point of order.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Hashim bin Safin: Nampaknya saya sudah dua kali menegur Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini mengenai point of order.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah, kita dengar apa dia bercakap dahulu. Jika dia tak bawa keluar proof, saya hendak minta dia tarik balik apa yang dituduh tadi.

Tuan Hashim bin Safin: Point of order No. 36 (2) yang berbunyi: "Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu". Jadi, perkara itu sedang dipertimbangkan dan saya pernah membuat teguran satu ketika dahulu

Tuan Pengerusi: Berkenaan dengan lebuhraya?

Tuan Hashim bin Safin: Lebuhraya Utara-Selatan.

Tuan Pengerusi: Ya, saya minta jangan Yang Berhormat bercakap dalam itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya buat soalan, Tuan Pengerusi, lebuhraya mana? Lebuhraya ini banyak. Yang dia minta saya tidak sebut, lebuhraya mana?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat menentukan yang mana itu, yang bercakap itu yang mana?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya bercakap secara umum.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Beberapa projek Kerajaan sebagai usaha melepaskan agensi-agensi tertentu dari tanggungjawab Kerajaan dan dalam usaha untuk membentuk tenaga usahawan dari kalangan rakyat. Ia menyerahkan agensi tertentu kepada Ketua-ketua Jabatan itu untuk membelinya mengikut cara yang ditentukan dengan harapan bahawa Ketua tadi akan bekerja keras bagi menentukan kejayaan agensi yang menjadi miliknya atau dia punya saham di dalamnya. Memang terdapat prestasi yang berbeza dari segi tumpuannya apabila seorang ketua yang makan gaji dengan seorang ketua yang mengerjakan agensi kepunyaan sendiri, tetapi Austria memastikan bahawa projek tadi dikuasai sepenuhnya oleh rakyat dalam negerinya. Penswastakan cara ini agak menarik kalau difikirkan.

Katalah sebagai contoh, BMF, anak syarikat Bank Bumiputra di Hong Kong, ia adalah syarikat yang Kerajaan Malaysia ada kepentingan. Untuk memastikan ia berjalan lebih baik dan lancar, boleh Pengarah Urusannya dengan harapan Pengarah Urusan itu akan bekerja keras dan ketika yang sama ia boleh muncul sebagai seorang usahawan. Dengan demikian, maksud Dasar Ekonomi

Baru mudah tercapai tetapi dalam penswastaaan yang ada nampaknya harta Kerajaan akan dibahagi-bahagikan kepada orang tertentu dalam UMNO yang baik dengan pemimpin-pemimpin dan orang itu pula adalah orang yang mempunyai hubungan dengan pihak lain. Orang itu sendiri belum dipastikan akan kekal bersama UMNO atau dapat dengan UMNO sekiranya berubah pimpinan, akhirnya nanti Kerajaan tidak memiliki apa-apa dan malangnya terpaksa menanggung kerugian sekiranya syarikat itu rugi.

Oleh itu, saya mencadangkan ialah Jawatankuasa Induk Penswastaaan dan Jawatankuasa Teknik Penswastaaan hendaklah terdiri dari orang yang benar-benar amanah, bukan orang yang terpaksa menurut apa yang diputuskan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab hendaknya jangan menurut sahaja apa yang diputuskan oleh Menteri dan Perdana Menteri sekiranya Perdana Menteri sudah memerintahkan demikian, tetapi ia tidak sebagai yang diputuskan oleh Jawatankuasa yang berkenaan dan Jawatankuasa berkenaan tidak fikir keputusan Perdana Menteri itu bijak, maka pegawai tadi adalah lebih baik meletakkan jawatan dan ia akan dihormati seperti bekas Gabenor Bank Negara, tetapi kalau arahan Perdana Menteri silap, diikuti juga, maka pegawai itu sendiri tidak amanah dan kemudiannya bersubahat untuk merosakkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada Susunan Semula Masyarakat, dalam butiran 030000 Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Di bawah perkara ini saya hendak menyentuh Aktiviti (b) dari buku Program dan Prestasi Belanjawan, iaitu Susunan Semula Masyarakat. Di bawah perkara ini saya tertarik dengan tujuan Kerajaan menyusun semula hakmilik sektor swasta melalui pelaksanaan skim pindah hakmilik saham-saham

syarikat-syarikat Kerajaan kepada bumiputera. Satu dari cara yang dilakukan ialah melalui Pelaburan ASN. Suka saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan sehingga ini masih gagal untuk mengeluarkan fatwa mengenai ASN ini. Saya mengatakan pada keseluruhannya ASN ini adalah "haram". Saya amat dukacita bahawa Kerajaan sehingga ini telah 200,000 orang terlibat dalam keharaman ini dalam tahun 1986, manakala tahun 1987 ini sekitar 2,543,000 diseret ke lembah haram.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya kurang jelas perkataan "haram" ini, kerana saya sebagai orang UMNO seringkali dituduh haram, kafir dan sebagainya. Jadi, saya hendak tanya "haram" ini dari segi apa? Sebab ini sudah keluar fatwa, jadi kami orang Islam di sini was-was tentang fatwa yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bagi orang Islam, haram itu lawannya halal. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat itu faham tak payah tanya bila saya sebut haram. Itu dari segi hukum.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani pula bangun.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima Kasih. Mengenai hukum halal dan haram adalah satu perkara yang besar yang tidak molek kita permudah-mudahkannya. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat apakah hujah-hujah yang mengatakan bahawa ASN itu haram?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat itu faham sepanjang keterangan saya dia tak payah minta dengan saya, sebab saya telah minta dengan Kerajaan mengeluarkan fatwa, tetapi sampai sekarang ini Kerajaan tak dapat mengeluarkan fatwa, sedangkan perkara ini berjalan terus-menerus. Bagi pegangan saya dan pegangan orang PAS, ASN itu haram. Sebab itu, saya kemukakan balik di sini. Saya amat dukacita.

Tuan Pengerusi: Ahli yang terhormat, ada tiga orang bangun sekali. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak beri, Tuan Pengerusi, biarlah saya teruskan. Saya amat dukacita—dia tak tahu hendak bagi macam mana (*Disampuk*). Saya amat dukacita bahawa Kerajaan sehingga hari ini telah 200,000 orang yang terlibat dalam keharaman ini dalam tahun 1986.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Arau bangun atas apa? Penjelasan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak beri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia tak beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi tolong pertimbangkan. Dia menuduh haram itu satu perkara besar, Tuan Pengerusi. Ini soal agama walaupun sesama Islam tetapi menuduh orang sebagai haram, saya ingat satu perkara yang berat. Seluruh orang yang membeli ASN sekarang ini menanggung dosa, sebab fatwa yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dan juga oleh orang-orang PAS. Sekarang saya naik sensitif, saya tak tahan, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Saya minta janganlah sebut benda seperti ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia tak tahan dengar, sahaja tetapi dia boleh buat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, slow sedikitlah, tahan-tahanlah sedikit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, manakala tahun 1987 ini sekitar 2,543,000 diseret ke lembah haram. Untuk tahun 1988 ini seramai 99,000

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi Ahli dari Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c) perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan.

Tuan Pengerusi: Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Arau. Saya bersetuju

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta dia tarik balik perkataan haram itu.

Tuan Pengerusi: jangan sebut perkara itu. Perkara ini ialah pada fikiran Ahli Yang Berhormat dan orang-orang yang bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat, tetapi orang lain tak fikir seperti itu. Kalau kita kata seperti itu, benda itu adalah bersangkutan dengan agama. Jadi membangkitkan perasaan yang di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (10) itu saya menegah Ahli Yang Berhormat daripada menyebutkan lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, dan ini seolah-olah Kerajaan sengaja menyuap makanan najis kepada mulut rakyat

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sebut juga. Saya minta, jikalau Ahli Yang Berhormat sebut lagi, saya minta Ahli Yang Berhormat duduk. Sekarang Ahli Yang Berhormat boleh teruskan, tetapi jangan sebutkan perkara itu lagi yang cukup-cukup sensitif.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Najis pun tak boleh sebut?

Tuan Pengerusi: Tak boleh, yang boleh yang bersangkutan dengan perkara yang Ahli Yang Berhormat kata tadi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Najis dadah boleh sebut, najis ini tak boleh sebut, macam mana?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat itu bersangkutan dengan apa yang disebutkan tadi, apa yang Ahli Yang Berhormat berhujah tadi. Jika sekiranya tak sebut benda-benda tadi, itu sahaja, tak apa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Susahlah juga saya hendak bercakap dan saya tak fahamlah demokrasi

Tuan Pengerusi, saya teruskan. Kerajaan yang baik sepatutnya membawa rakyat keluar dari lembah hina ke dunia yang bersih tetapi Kerajaan Barisan Nasional memaksa rakyat jadi orang yang berdosa. Soal orang hendak

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli Yang Berhormat duduk! Saya minta yang lain bercakap. Siapa yang hendak bangun bercakap? Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun bercakap.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Banyak lagi, saya tak habis ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya tak benarkan Ahli Yang Berhormat bercakap lagi. Saya ada kuasa di atas perkara itu.

6.05 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Bismilahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa maksud di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pertamanya, Maksud B.4, muka surat 28, Butiran 010200 iaitu mengenai Suruhanjaya Pilihanraya.

Sebelum itu, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1988, muka surat 387:

“(b) Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih

Tujuan—Untuk mengadakan satu sistem pendaftaran pemilih di mana setiap warganegara yang berkelayakan yang memohon menjadi pemilih didaftarkan sedemikian oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi membolehkan mereka mengundi dalam mana-mana pilihanraya di mana mereka didaftarkan. Di samping itu ia juga bertujuan untuk memastikan bahawa mereka yang berkelayakan itu tidak mendaftar atau mengundi lebih daripada sekali, dan mereka yang tidak berkelayakan menjadi pemilih atas sebab kematian, dikeluarkan/dipotong namanya daripada daftar pemilih yang berkenaan supaya daftar itu sentiasa bersih dan kemaskini.”

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik kepada beberapa intisari kepada tujuan itu iaitu mereka yang berkelayakan, yang benar-benar layak dan mengundi dua kali dan mereka yang didaftarkan mengikut kawasan yang hendak mereka pilih.

Dalam perkara ini, saya ingin menarik perhatian bahawa perbuatan parti politik tertentu, khususnya PAS yang bila bercakap dengan cara pakaian dan latar belakang kononnya

mereka berpendidikan agama, bercakap baik tetapi pihak parti itu memang telah membuat kerja-kerja yang sebenarnya merumitkan kerja Suruhanjaya Pilihanraya di dalam hal pendaftaran. Kita mempunyai bukti bahawa pihak parti PAS di Kelantan khususnya di kawasan saya sendiri dan beberapa kawasan terlibat kawasan Pengkalan Chepa. Usaha pertama dibuat di dalam pendaftaran pemilih ialah memindah pengundi-pengundi daripada satu kawasan yang kononnya kawasan itu berkemungkinan besar PAS kalah, dan terbukti PAS kalah teruk, pengundi-pengundi daripada satu kawasan dipindah ke kawasan lain untuk meyakinkan atau menentukan kawasan yang kemungkinan besar menang PAS. Sebab itulah kawasan Pengkalan Chepa satu sahaja menang kerana dipindah daripada kawasan sekitar untuk memastikan kemenangan calonnya. Ini bukan tuduhan, bukti ada.

Jadi, apa yang saya suka menarik, Tuan Pengerusi, sepatutnya pengundi-pengundi diberi hak mereka, keadilan mereka untuk mengundi calon di kawasan mereka berada. Amat tidak adil pengundi dipindahkan daripada satu kawasan "A" ke kawasan "B" kerana kawasan "B" itu diharapkan dapat menang calonnya yang menjalankan kerja atau pihak yang menjalankan kerja ini. Perbuatan ini amat menganiaya pengundi kerana pihak jentera parti berkenaan dengan kebijaksanaan dan pengalaman mereka membuat kerja-kerja semacam ini selama ini mengambil sahaja nama-nama daripada Daftar Pemilih semasa pengundi pendaftaran atau semakan pengundi dibuat dan sengaja membuat tandatangan seolah-olah pengundi itu yang ingin berpindah tetapi pengundi itu tidak tahu menahu. Sejumlah tertentu, 100, 200, 500 pengundi itu dipindahkan.

Yang kedua, pemindahan pengundi dibuat juga kepada penyokong-penyokong Kerajaan di mana untuk

mengelirukan semasa pilihanraya pengundi-pengundi yang difahamkan oleh pihak parti PAS itu menyokong Kerajaan akan tercari-cari nama mereka di dalam Daftar Pengundi sedangkan namanya telah dihantar ke kawasan lain. Dan ini juga boleh menjejaskan hak mengundi kepada mereka yang sepatutnya mengundi. Jadi, apa yang saya harap pihak Suruhanjaya dapat meneliti ataupun dapat menerima perkara ini setelah bantahan yang dibuat oleh pihak Kerajaan atau parti pemerintah supaya kesan kerja-kerja yang kurang baik dibuat oleh parti PAS itu tidak dapat diteruskan di masa-masa hadapan.

Kedua, unsur penipuan ini saya juga mempunyai bukti dari kawasan saya sendiri. Ada pihak pemimpin-pemimpin kecil PAS di kawasan itu yang mendaftar pengundi yang belum layak di segi umur. Mereka menipu tarikh lahir, misal kata sebulan atau dua bulan masih belum layak tetapi tahunnya layak tetapi bulannya belum cukup sebulan atau dua bulan iaitu maksudnya belum cukup 21 tahun. Mereka menipu tarikh. Dan saya mempunyai bukti mengikut jentera parti kita sendiri bahawa perkara ini sedang dibuat. Dan kita pernah membuat bantahan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Alhamdulillah, perkara itu dapat diselesaikan. Tetapi apa yang saya hendak sentuh perbuatan ini adalah satu penipuan oleh parti PAS dan pihak Suruhanjaya Pilihanraya patut berhati-hati dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Maksud B.5 muka surat 27 dan bersama-sama dengan B.8 muka surat 38 Butiran 020000, Butiran 030000 dan Butiran 040000. Perkara ini keseluruhannya menyentuh soal perjawatan.

Saya mengambil kesempatan ini kerana tidak sempat bercakap semasa membahas ucapan Belanjawan secara

umum di peringkat dasar iaitu mengenai jawatan kepada belia-belia siswazah-siswazah yang menganggur. Kita merujuk kepada prestasi bahawa jawatan yang akan diwujudkan pada tahun 1988 dianggarkan 3,000 jawatan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, muka surat 392.

Di sini saya ingin menyokong hasrat Kerajaan supaya menimbangkan masalah pengangguran ini dan pemberian gaji yang lebih rendah daripada sebelum ini. Saya berkesempatan menemui beberapa kelompok siswazah-siswazah yang berada di kampung ataupun di luar-luar bandar di mana mereka ini berasal daripada masyarakat kampung dengan harapan setelah melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, ke institusi pengajian tinggi maka keluarganya mengharapkan anak mereka besok setelah keluar daripada universiti dapat menjawat jawatan dengan Kerajaan ataupun badan-badan berkanun ataupun jawatan yang boleh menjamin dapat memperbaiki nasib keluarga mereka.

Ini merupakan satu perkembangan yang berlaku di mana siswazah-siswazah ataupun anak-anak dari luar bandar, anak-anak dari desa melalui Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah memberi keutamaan pelajaran kepada mereka mengharapkan setelah lulus daripada pusat pengajian tinggi mereka akan dapat menjawat jawatan dengan Kerajaan apatah lagi jika mereka bandingkan dengan abang-abang mereka yang lebih bernasib baik pada suatu ketika dahulu di mana mereka ini bila sahaja di mana satu ketika dulu di sekitar tahun 70an. Saya masih ingat pada peringkat itu, peringkat kami sendiri bila tamat sahaja peperiksaan di peringkat universiti, belum tahu keputusan, kita diberi jawatan "pegawai sangkut".

Dapat jadi pegawai Kerajaan, berada di pejabat, bekerja di dalam bilik air-con dan dapat pinjaman kereta, dapat pinjaman rumah dan sebagainya. Tidak lulus peperiksaan tahun ketiga boleh masuk belajar universiti lagi dan sebagainya. Ini melambangkan satu kemewahan pada masa itu. Dan mereka juga memandangkan bahawa kalau mereka keluar daripada universiti mengharapakan kemewahan ini dikecapi.

Apa yang saya suka menarik perhatian Tuan Pengerusi dalam proses transisi—penukaran ini, kita perlu beri peluang kepada mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan di mana pengharapan selama ini hanyalah untuk bekerja dengan Kerajaan.

Keduanya, mereka belum terdedah kepada keadaan ini. Dan ketiganya mereka belum mempunyai kewangan dan pengalaman walaupun kita berseru untuk mereka melibatkan diri di bidang pertanian, melibatkan bidang perindustrian, perkilangan, perdagangan, perikanan dan sebagainya tentunya dengan suasana yang terdesak ini mereka tidak mampu. Kita memahami, bila kita bercakap dengan mereka, mereka kata senang. Secara berbisik-bisik bercakap—mereka senanglah kamu pemimpin, kamu sudah berjawatan, kamu sudah bekerja dengan Kerajaan bersyarah dengan kita, memang senang. Tetapi kamu sudah mempunyai jawatan. Tetapi mereka menghadapi satu kejutan (shock) atas perubahan ini.

Maka di atas dasar ini saya menyokong langkah Kerajaan supaya mempertimbangkan kepada belia-belia, kepada siswazah-siswazah menganggur ini untuk mereka berpeluang terlibat dengan pentadbiran Kerajaan walaupun gajinya agak rendah, mereka bersedia menerima. Misalnya SKS gajinya \$400 ada pula yang berebut-rebut hendak

terima. Kalau mungkin dapat dikaji sedikit atau ditingkatkan sedikit kepada \$450, \$500 atau \$600 ini boleh mendorong pertamanya mereka terdedah kepada pentadbiran, beri peluang mereka untuk mendedahkan diri, dapat kumpul wang sedikit, matangkan sedikit dan di masa yang sama sesuaikan dalam keadaan ini setelah satu ketika mungkin akan kembali untuk menceburkan diri di dalam bidang pertanian secara berkelompok, bidang pertanian lebih besar, secara komersial dan sebagainya.

Jadi perkara itu, Tuan Pengerusi, kalaulah kita mempertimbangkan misalnya jawatan yang 3,000 yang akan diwujudkan, kalau kita bahagikan dengan gaji 3,000 ini mungkin dengan peruntukan asal dengan gaji yang lebih mahal kalau dibahagikan separuh daripada tawaran yang sepatutnya diberi itu kepada lulusan universiti barangkali kita dapat mengambil 6,000 pekerja untuk mengisi kekosongan dan mengatasi masalah pengangguran.

Keduanya, Tuan Pengerusi, dalam masalah pengangguran ini saya suka mencadangkan supaya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam boleh membuat pengambilan melalui kerja-kerja sementara untuk memberi peluang kepada mereka terdedah dan di masa yang sama mereka dapat mengalami atau mempelajari keadaan-keadaan yang membolehkan mereka menyesuaikan diri setelah beberapa ketika berada dengan Jabatan Kerajaan dan kembali kepada swasta ataupun bekerja sendiri untuk meneruskan mencari pendapatan atau nafkah hidup mereka.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Maksud B.6 muka surat 28, Butiran 20000 dan 30000. Dalam perkara ini saya merujuk kepada buku *Anggaran*

Belanjawan dan Prestasi muka surat 397 iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran mengenai pengambilan.

Kita dapat meneliti bahawa pengambilan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini memang ramai misalnya permohonan 100,000, calon ditemuduga 16,000 kemudian calon yang diambil 13,000, dalam simpanan 1,000.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi, pertamanya mengenai proses temuduga. Perkara itu barangkali tidak bermasalah di mana melalui proses yang dibuat borang dikeluarkan ataupun iklan dikeluarkan menurut peraturan, pemohon boleh memohon daripada seluruh ceruk rantau di negara kita. Kemudian soal yang perlu saya tarik perhatian Suruhanjaya sedikit ialah dari segi perlaksanaan kepada penapisan panggilan temuduga.

Barangkali keutamaan perlu diberi kepada mereka daripada luar bandar di kampung-kampung yang kadang-kadang untuk mengetahui iklan itu sendiri apatah lagi untuk mendapatkan borang dan sebagainya agak rumit. Sekali-sekala mereka dapat, barangkali beberapa kesempatan mereka tidak dapat. Dan sekali-sekala dapat, bila dipanggil temuduga mereka ini tidak dapat pula jawatan. Dan perkara ini amat terasa sekali bila pergi kepada soal penempatan. Saya dapat melihat beberapa masalah yang baru sahaja berlaku kebetulan, Tuan Pengerusi, saya balik pada minggu lepas melawat ke kawasan pendalaman dan saya telah menemui beberapa kerani di sekolah-sekolah seperti berikut: Sekolah Kebangsaan Kubur Datu, Kelantan; Sekolah Orang Asli dan Sekolah Kebangsaan Cucu Puteri di mana kerani-kerani di sini terdiri daripada perempuan-perempuan yang masih muda, yang masih belum berkahwin dan dari negeri-negeri lain.

Bagi Sekolah Kebangsaan Kubur Datu, Kelantan, kerananya adalah daripada negeri Kedah, seorang perempuan yang masih muda belum kahwin; di Sekolah Orang Asli, seorang kerani perempuan masih muda belum kahwin; di Sekolah Kebangsaan Cucuk Puteri, seorang kerani perempuan yang masih muda dari Negeri Sembilan.

Tuan Pengerusi, saya bukan tertarik soal lain, soal belum kahwin atau muda (*Ketawa*), tetapi yang menarik perhatian saya, mereka ini mengemukakan masalah. Sekolah Cucuk Puteri itu jalannya jauh di pedalaman, jalannya susah, kemudian tidak ada kemudahan di segi api, air, dan perubatan sepatutnya barangkali mereka ini dapat kerana mereka ini berasal daripada kawasan yang lebih baik daripada tempat itu ataupun kemungkinan mereka daripada kawasan pedalaman daripada negeri Kedah tetapi berada di pedalaman Kelantan. Mereka ini perempuan yang masih muda dan mereka merungut kenapa mereka ditempatkan di sana. Kita menjawab bahawa di segi perkhidmatan memanglah terpaksa ditempatkan di mana sahaja.

Apa yang saya suka timbulkan kalau boleh, di dalam masa pengambilan, kita telah dapat menentukan bahawa di Kelantan misalnya di pedalaman ini jauh perlu diberi keutamaan kepada mereka terutamanya daripada Kelantan sendiri misal kata, kerana apabila orang Kelantan, ia tidak bermasalah berada di Kelantan ataupun di pedalaman.

Keduanya, kepada lelaki. Perkara ini patut kita utama kepada lelaki kerana di pedalaman sudah tentu banyak masalah. Lagipun di kalangan belia-belia ramai belia-belia kita yang boleh menjalankan kerja-kerja yang macam ini. Dalam soal lelaki dengan

perempuan dalam soal sekarang, saya rasa patut kita beri keutamaan kepada lelaki, sebab lelaki bila mereka dewasa mereka ada hasrat untuk mendirikan rumahtangga, berkahwin dan nafkah ini terletak pada suami. Kalau perempuan yang tidak bekerja dapat dikahwini oleh lelaki yang bekerja nafkahnya terletak pada suami.

Dalam suasana ini memang saya rasa dapat kita gembelingkan sama, Tuan Pengerusi.

Pertamanya kepada belia-belia lelaki kita boleh beri jawatan.

Keduanya, dari segi penempatan itu, kita boleh jaminkan bahawa ianya akan memberi khidmat yang lebih baik berbanding dengan seorang perempuan atau perempuan-perempuan yang masih muda ini.

Tuan Pengerusi, saya haraplah dalam soal penempatan ini sama ada di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam, kemudian penempatan di Kementerian Pendidikan dalam kaitan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini supaya mengambil kira soal-soal yang telah saya sentuhkan tadi untuk menjamin bahawa pegawai-pegawai yang ditempatkan itu tidak bermasalah dan keduanya mereka dapat memberi khidmat yang baik dan sempurna dengan puashati di atas kerja yang telah dipertanggungjawabkan.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi, di atas perkara yang perlu saya sentuh di bawah Kepala ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

6.25 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 7—Jabatan Perdana Menteri, Butiran 040000—Program Keselamatan Negara, Kod 10000 Jenis Perbelanjaan Emolumen dan Butiran 070000—

Program Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, Kod 10000 Jenis Perbelanjaan Emolumen.

Tuan Pengerusi, adalah amat ketara bahawa keadaan di negara kini merupakan kegagalan Barisan Nasional untuk membentuk sebuah negara berbilang kaum yang berasaskan kepada prinsip keadilan sosio ekonomi. Bukan sahaja Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat menyelesaikan masalah struktur yang bercorak, dengan izin, "divide and rule", yang dimulakan oleh penjajah British. Malahan Kerajaan memperburukkan keadaan yang sedia ada. Lagipun Kerajaan tidak

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Fung Ket Wing Tidak kasi. Lagipun kerajaan tidak mahu mengakui kesalahan dan kegagalannya. Sebaliknya ia cuba memperdayakan rakyat jelata dengan membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas, tidak benar yang melulu dengan mengatakan bahawa parti-parti Pembangkang sama ada DAP dan individu-individu seperti Dr Chandra Muzaffar yang menjadi sumber keadaan ketegangan sekarang. Akan tetapi rakyat jelata mempercayai bahawa keadaan ketegangan kini bukanlah ciptaan mereka sendiri ataupun ciptaan DAP ataupun individu-individu seperti Dr Chandra Muzaffar. Mereka tahu bahawa

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Minta penjelasan. Bahasa apakah yang dia gunakan ini?

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Fung Ket Wing: Mereka tahu bahawa keadaan yang ketegangan kini adalah berpunca dari

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dua orang bangun. Atas apa itu?

Tuan Zubir bin Embong: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Point of order.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta penjelasan—api merah dahulu.

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu Yang Berhormat dari Marang. Point of order dapat dahulu.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order di bawah Peraturan Mesyuarat 8, Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia. Bahasa yang dituturkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu bahasa apa? Saya ingat itu bukan Bahasa Malaysia yang tidak boleh difahami. Jadi, saya minta supaya dia cakap Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang hendak minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sama, saya tidak faham apa dia cakap.

Tuan Fung Ket Wing: Dia tidak tahu, tak tahulah (*Ketawa*). Adalah berpunca perselisihan di dalam UMNO sendiri di antara Pasukan A dan Pasukan B. Mereka tahu juga bahawa ada individu-individu di dalam UMNO

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, point of order. Nampaknya saya tukang bagi point of order, sebab ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih belum faham. Ini tidak boleh disentuh di bawah Peraturan 36

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap! Yang Berhormat minta apa?

Tuan Hashim bin Safin: Point of Order 36 (2), "Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah, sekiranya pada timbangan Pengerusi harus

merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu." Dan perkara ini, soal Team A dan Team B ini sedang ditimbang di mahkamah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan (*Ketawa*). Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.